# 2016

# LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

مجليس أݢام إسلام
دان عادت ملايو ڤيراق

# 2016
## LAPORAN TAHUNAN

Majlis Agama Islam
& 'Adat Melayu Perak

8 PERNYATAAN KORPORAT

15 PERUTUSAN
- PENYATA YANG DIPERTUA
- PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

26 PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

32 ANALISA PENGURUSAN 2016

40 INFORMASI KORPORAT

60 SOROTAN AKTIVITI TERAS SEPANJANG 2016

73 SOROTAN AKTIVITI DALAMAN SEPANJANG 2016

79 LAPORAN KEWANGAN

118 KERATAN AKHBAR

125 WASIAT RAJA-RAJA MELAYU

130 DIREKTORI MAIPk


# *kandungan*




RASIONAL KULIT

Ilustrasi grafik mempaparkan tengkolok membendung tulisan kaligraf yang tertera perkataan ***Al-Quran Al-Karim***, melambangkan tautan teguh warisan adat Melayu dengan ajaran suci Islam di Malaysia. Tengkolok juga merupakan busana yang ada kaitannya dengan kedaulatan Raja-raja Melayu, ditabalkan dengan ikrar sumpah untuk melaksanakan pemerintahan dengan adil berlandaskan syariat Islam. Sebagaimana layak tempatnya di kepala, demikian juga keluhuran dan kesucian agama Islam yang harus dijunjung tinggi pada setiap masa dan keadaan.

Seiring dengan peranan dan tanggungjawab sebagai badan penasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak turut berperanan sebagai pihak berkuasa agama yang perlu sentiasa progresif dan dinamik dalam usaha memartabatkan agama Islam dan adat Melayu di bawah payung pemerintahan baginda bersesuaian dengan moto yang dizahirkan – ***"MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ADAT"***





# Daulat Tuanku



**DULI YANG MAHA MULIA**
**PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**
**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**
**IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.M.N., D.K.(Kelantan), D.K.(Selangor), D.K.N.S., D.K.(Perlis)., Ph.D.(Harvard)

**SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**



**DULI YANG MAHA MULIA**
**RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN**
**TUANKU ZARA SALIM**
D.K., D.K.S.A., D.K.A.

muka 8

# Pernyataan **Korporat**

- Citra Logo MAIPk
- Nilai-Nilai Korporat
- Jati Diri Korporat
- Sejarah Penubuhan
- Senarai Yang Dipertua



# Citra Logo MAIPk

Tiga titik melambangkan tonggak ajaran Islam iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Ia juga manifestasi kepada tiga tonggak pemerintahan beraja di Negeri Perak Darul Ridzuan iaitu Sultan, Raja Muda dan Raja Di-Hilir.

Penggunaan huruf *pa* dalam tulisan jawi dan abjad *p* dalam tulisan rumi adalah simbolik kepada huruf awalan bagi Negeri Perak, tempat di mana MAIPk ditubuhkan dan bernaung di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

Elemen bunga padi melambangkan kemakmuran negeri dan MAIPk yang progresif serta dinamik dalam memelihara kesejahteraan ummah berlandaskan prinsip *maqasid syariah*

Perkataan Majlis Agama Islam dan ʻAdat Melayu Perak dalam tulisan jawi melambangkan iltizam MAIPk untuk terus memartabatkan agama Islam dan adat Melayu selaras dengan pernyataan moto MAIPk Memperteguh Syariat, Melestari Adat.

مجليس اݢام إسلام
دان عادت ملايو ڤيراق

Warna putih membawa maksud kesucian, ketulusan dan akauntabiliti MAIPk sebagai sebuah institusi Islam.

Warna kuning membawa maksud kesatuan pemikiran dan tindakan bagi mencapai visi dan misi MAIPk.

Warna hitam membawa maksud kemampanan, berdaya maju dan kekal relevansepanjang masa merentasi peredaran zaman.

Logo ini secara keseluruhannya melambangkan Majlis Agama Islam dan ʻAdat Melayu Perak (MAIPk) sebagai sebuah institusi Islam yang progresif dan dinamik dalam memartabatkan agama Islam dan adat Melayu di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

# NILAI-NILAI KORPORAT

Nilai-nilai korporat MAIPk adalah seperti berikut :

## 01 Muafakat

Kemuafakatan MAIPk bersama semua agensi berkaitan dalam melaksanakan amanah membantu kebajikan umat Islam yang berkonsepkan prinsip ta'awun.

## 02 Akrab (Semangat Berpasukan)

Menerapkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga MAIPk dengan mengembleng tenaga, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara bersama serta bersungguh-sungguh.

## 03 Integriti

Nilai tinggi dalam perkhidmatan yang berpegang teguh kepada amanah dan ihsan.

## 04 Profesionalisme

Sentiasa bersikap rasional dan matang dalam sebarang tindakan dan keputusan.

## 05 Kesederhanaan

Mengamalkan kesederhanaan personaliti dan ketinggian kompetensi berasaskan prinsip wasatiah.

# Jati Diri Korporat

## Visi

Menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan as-Sunnah

## Misi

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketulusan, intergriti dan profesionalisme yang tinggi

## Objektif

- Memartabatkan Institusi Zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan.
- Mentadbir harta Baitulmal dan Wakaf bagi tujuan membangun sosio ekonomi dan memelihara kemaslahatan ummah.
- Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum.

## Moto

*Memperteguh Syariat, Melestari Adat*



# Sejarah Penubuhan

*"Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan Undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan 'Adat Melayu bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama Negeri ini dan 'Adat Melayu."*



Negeri Perak merupakan salah sebuah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ("Federated Malay States") yang ditubuhkan menerusi Perjanjian Bersekutu ("Treaty of Federation") pada 1 Julai 1896. Pada ketika itu, Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan) telah ditubuhkan untuk membincangkan hal ehwal dan kepentingan bersama di antara Raja-Raja Melayu dengan Pemerintahan British. Negeri Perak menjadi tuan rumah kepada mesyuarat pertama Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau lebih dikenali sebagai Mesyuarat Durbar, yang telah diadakan pada 13 hingga 17 Julai 1897 bertempat di Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Sebagaimana yang telah dipersetujui dengan pihak British, bermula daripada Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, hinggalah kepada penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, suatu ketetapan telah disepakati secara bersama, bahawa, segala perkara berhubung hal ehwal Agama Islam ("Islamic Affair") dan Adat Melayu ("Malay Custom") hendaklah berada di bawah bidang kuasa Raja Melayu. Justeru, Ketua Agama Islam dan Adat Melayu yang berkuasa penuh di Negeri Perak pada zaman itu, ialah Duli Yang Maha Sultan. Amalan ini dikekalkan hingga ke hari ini.

Dari sudut sejarah, undang-undang tertua berhubung hal ehwal agama Islam yang telah dikuatkuasakan di Negeri Perak ialah Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan ("Ninety nine Laws of Perak") yang telah diamalkan sehingga ke tahun 1900. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang tersebut. Adalah dipercayai, undang-undang itu telah mula dilaksanakan semenjak pemerintahan Al-Marhum Sultan Idris Murshidul A'azam Shah ibni Al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar (1887 hingga 1916).

Kemudiannya, pada tahun 1900, satu undang-undang yang dinamakan Undang-Undang Pentadbiran Perkahwinan Orang-Orang Islam Bab 197 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan. Berikutan itu, sebuah bangunan telah didirikan di kawasan Pejabat Kadi Wilayah Kuala Kangsar untuk dijadikan sebuah ibu pejabat pentadbiran Islam yang dinamakan sebagai Balai Syara'. Seorang Kadi Besar telah dilantik bagi mengetuai Kadi-Kadi Wilayah dan ditempatkan di sini. Pada ketika itu wilayah-wilayah kadi yang dikuatkuasakan ialah Kuala Kangsar, Taiping, Simpang Lima, Selama, Lenggong, Ipoh, Batu Gajah, Parit, Sitiawan, Teluk Intan, Tapah dan Tanjong Malim. Kadi Besar pertama yang dilantik ialah Tuan Habib Abdullah.

Dalam tahun 1917, Komiti Quran Perak pula telah ditubuhkan bertujuan untuk mengawal dan memantau pengendalian pengajaran agama Islam di Negeri Perak. Pengerusi pertama yang dilantik ialah Sultan Iskandar Shah Ibni Al-Marhum Sultan Idris Ramatullah Shah (1918-1938), yang merupakan Raja Bendahara Perak pada ketika itu. Komiti Quran Perak ini juga, turut bertindak sebagai Komiti Syariah Negeri Perak, yang bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan dengan pentadbiran agama Islam secara umum pada masa itu termasuklah mengeluarkan kebenaran bagi penerbitan buku-buku agama, pentauliahan mengajar dan sebagainya.

Menjelang pertengahan tahun 1947, ketika tanah air bergolak hebat dengan perjuangan menentang Malayan Union (ditubuhkan 1 April 1946), beberapa pergerakan, pertubuhan dan persatuan telah muncul memperjuangkan semangat nasionalisme bangsa menentang penjajahan British. Antara persatuan yang begitu lantang bersuara di Negeri Perak pada ketika itu ialah Persatuan Melayu Perak. Atas inisiatif persatuan inilah maka, satu perjumpaan para alim ulama telah diadakan pada 10 Ogos 1947 bertempat di Madrasah Iskandariah Kuala Kangsar. Pada pertemuan itu, Dato' Seri Ali Zaini bin Haji Muhamad Zain, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, telah mencetuskan idea yang bernas bagi menubuhkan sebuah pusat agama secara rasmi untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Negeri Perak.

Tanggal 21 Januari 1948, merupakan suatu detik bersejarah yang amat bermakna bagi Negeri Perak apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah Ibni Al-Marhum Raja Muda Musa (1938-1948) menandatangani suatu perjanjian dengan Sir Gerard Edward James Gent (Pesuruhjaya Tinggi British/Gabenor-Jeneral Malayan Union) yang mewakili Kerajaan British. Perjanjian yang dinamakan sebagai Perjanjian Negeri Perak 1948 tersebut, telah membawa kepada pembentukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak. Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak tersebut telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948 di bawah pemerintahan baginda sultan.

Dengan berkuat kuasa Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri itu, hasrat untuk menubuhkan sebuah pusat pentadbiran agama Islam di Negeri Perak akhirnya dapat direalisasikan. Kuasa untuk menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dinyatakan secara jelas di bawah Fasal VI.(1) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak iaitu :

"Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan Undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan 'Adat Melayu bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama Negeri ini dan 'Adat Melayu."

Setelah kemangkatan baginda Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah pada 29 Mac 1948, takhta kerajaan Negeri Perak diwarisi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Yussuf Izzudin Shah Ghafarullahulah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Al-Mukhataram Karamatullah Shah (1948-1963). Kerajaan Negeri pada ketika itu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (1948-1957).

Pada masa pemerintahan baginda Sultan Yussuf Izzudin Shah inilah, maka, Kerajaan Negeri secara rasmi menubuhkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949. Undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan adat melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada 1 Mei 1952.

Dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, pentadbiran Balai Syara' dan Komiti Quran Perak yang berada di Kuala Kangsar, telah disatukan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan dipindahkan ke Ipoh. Manakala, pentadbiran Balai Syara' yang sedia ada telah diserapkan di bawah pentadbiran Pejabat Kadi Kuala Kangsar. Pejabat rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak yang pertama telah ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Bagi memperkemaskan lagi pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di Negeri Perak, undang-undang yang berkaitan dengannya telah disemak, dipinda dan digubal beberapa kali. Pada tahun 1965, sebuah undang-undang yang dinamakan sebagai Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 (Enakmen Bil. 11 Tahun 1965) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan undang-undang tahun 1952. Kemudian, pada 13 Januari 1993, Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 tersebut telah digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 (Enakmen Bil. 2 Tahun 1992). Di bawah Enakmen Bil. 2 Tahun 1992 tersebut, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu telah diperbadankan secara rasmi sebagai sebuah badan berkanun kerajaan. Bagi tujuan keseragaman dengan negeri-negeri lain seluruh Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama 1992 tersebut, akhirnya digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004). Enakmen Bil. 4 Tahun 2004 tersebut telah dikuatkuasakan pada 15 September 2004 serta pindaan-pindaan keatasnya masih kekal berkuatkuasa sehingga kini. Entiti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu juga masih dikekalkan sebagai badan berkanun kerajaan negeri.

# Senarai Yang Dipertua
## Majlis Agama Islam Perak

| | |
|---|---|
| **YAB. OKK. PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB SERI AHMAD DIRAJA MENTERI BESAR PERAK** | 17/06/1949 - 18/07/1949 |
| **Y.M. RAJA KAMARULZAMAN BIN RAJA MANSOR** | 19/07/1949 - 31/12/1950 |
| **Y.M. RAJA MUSA BIN RAJA MAHADI** | 01/01/1951 - 31/13/1957 |
| **Y.M. RAJA MUSA BIN RAJA ABDULLAH** | 01/01/1958 - 30/11/1962 |
| **DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI MAT JABAR** | 01/12/1962 - 31/05/1965 |
| **DATO' HAJI MIOR ARIFF BIN MIOR ALWI** | 01/06/1965 - 28/02/1971 |
| **DATO' HAJI AHMAD HISYAM BIN MAT PIAH** | 01/03/1971 - 31/03/1980 |
| **TUAN HAJI OSMAN BIN HAJI MOND BAKI** | 01/04/1980 - 15/06/1985 |
| **TUAN HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MAAMOR** | 16/06/1985 - 08/10/1987 |
| **DATO' HAJI QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL** | 15/01/1988 - 10/10/1990 |
| **TUAN HAJI AHMAD SALLEH BIN HAJI SHARIF** | 01/02/1991 - 01/04/1993 |
| **TUAN HAJI AZMI BIN ABU SUJAK** | 16/04/1993 - 01/06/1997 |
| **DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH** | 01/07/1997 - 11/09/2014 |
| **TAN SRI DATO' SERI DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN** | 12/09/2014 sehingga kini |

muka 15

# Perutusan

- Penyata Yang Dipertua
- Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



# PENYATA
## Yang Dipertua

*"Alhamdulillah, dengan keberkatan rahmat Ilahi serta dokongan berterusan masyarakat, tahun 2016 telah menyaksikan beberapa siri kejayaan dan pencapaian cemerlang yang diraih oleh Majlis."*



Segala puji milik Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta kepada para Tabiin dan para ulama. Dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi, dengan limpahan taufik, hidayah dan keizinanNya jua, maka dapatlah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Majlis), menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 untuk tatapan umum khususnya kepada mereka yang beragama Islam.

Dalam menghadapi sentimen ekonomi yang kurang cergas pada tahun 2016, Majlis telah memperkemaskan siaga diri dengan meneguhkan asas serta menilai semula perancangan kerja agar lebih definitif, lestari dan tegar untuk menangani apa jua krisis yang melanda. Natijahnya, Majlis telah berjaya mencetuskan semangat kebersamaan dan rasa kesepunyaan di kalangan masyarakat khususnya di Negeri Perak agar saling bergandingan mengharungi kemelut kegawatan yang melanda atas semangat kesatuan ummah dan persaudaraan sesama Islam.

Justeru, ancaman gelombang Krisis Kewangan Global yang membadai persekitaran ekonomi negara telah berjaya ditangani dengan baik. Di sebalik catatan statistik pertumbuhan ekonomi yang merundung, baik di peringkat nasional mahupun negeri, Majlis telah berjaya mencatatkan keputusan kewangan yang amat baik pada tahun kewangan 2016. Faktor keyakinan masyarakat yang berterusan terhadap keupayaan Majlis mengurus tadbir baitulmal ditambah pula intuisi pengabdian diri kepada agama serta semangat kesepaduan ikhwanul muslimin di kalangan masyarakat telah merumuskan suatu formula kejayaan yang berkesan meskipun terpaksa berdepan rintangan ekonomi yang getir.

Dalam kesungguhan umat Islam mengejar kemajuan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan, amalan dari sudut berzakat dan bersedekah tidak seharusnya dilupakan. Umat Islam dianjurkan untuk bermuafakat, merapatkan jurang sosial



antara satu sama lain, bersama-sama berganding bahu membantu meringankan bebanan saudara seagama menerusi instrumen kewangan yang dianjurkan oleh agama hingga akhirnya berupaya pula mengangkat martabat ummah.

## TINJAUAN PENCAPAIAN 2016

Baitulmal merupakan tunjang perbendaharaan Majlis yang menjadi sumber pendanaan utama bagi melaksanakan segala usaha yang dirancang. Baitulmal yang dijana daripada komponen zakat, wakaf, sumber am dan amanah berperanan sebagai jambatan penghubung bagi mengurangkan jurang kesaksamaan sosio ekonomi di kalangan ummah. Justeru, usaha dan ikhtiar untuk memperkasakan baitulmal bukanlah terletak kepada Pengurusan Majlis semata-mata, malah turut menjadi tanggungjawab masyarakat secara kolektif.

Alhamdulillah, dengan keberkatan rahmat Ilahi serta dokongan berterusan masyarakat, tahun 2016 telah menyaksikan beberapa siri kejayaan dan pencapaian cemerlang yang diraih oleh Majlis. Antara kejayaan yang dicapai ialah prestasi kutipan zakat yang amat memberangsangkan, mengulangi kejayaan yang sama pada tahun sebelumnya. Di sebalik kegawatan yang melanda, Majlis berjaya mencatatkan pertambahan signifikan ke atas pungutan zakat tahun 2016 daripada RM136.31 juta pada tahun 2015 kepada RM151.18 juta; peningkatan sebanyak 10.91%, yang akan dimanfaatkan kepada golongan asnaf di Negeri Perak. Hasil kesepaduan usaha dan gerak kerja berpasukan dengan penerapan budaya kerja berprestasi tinggi, Pengurusan Majlis juga telah berjaya mendapat pengiktirafan dengan memenangi Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 di bawah kategori Inovasi Zakat Terbaik (Kutipan) 2016.

## SOROTAN UTAMA PERKEMBANGAN 2016

Relevan dengan visi untuk "menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah", Majlis sentiasa komited dan konsisten dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai wadah pembela ummah. Selain menjadi peletus dan pemangkin terhadap pembangunan modal keupayaan insan, Majlis turut digalaskan amanah untuk mempertahankan keluhuran dan kesucian agama Islam serta menjaga kemaslahatan umat Islam khususnya berperanan sebagai kustodian kepada harta umat Islam.

Justeru, bagi menzahirkan gerak kerja yang konstruktif lagi progresif, Majlis telah melancarkan Pelan Strategik bagi tempoh enam tahun bermula daripada tahun 2016 hingga ke tahun 2021. Pelan ini dibangunkan secara holistik berpaksikan kepada mandat dan aspirasi yang terzahir daripada titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak ketika menyempurnakan Majlis Penganugerahan Watikah Pelantikan Anggota-anggota Majlis pada 13 Februari 2015. Bertitik tolak daripada itu, pelbagai sesi perbincangan dan kolokium telah diadakan untuk mengembleng pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dari pelbagai latar sektor korporat dan industri bagi merumuskan suatu perancangan strategik yang bukan sahaja idealistik tetapi dinamik, pragmatik, inklusif serta praktikal untuk dilaksanakan. Majlis pelancaran Pelan Strategik Majlis 2016-2021 telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 27 September 2016.

Pada tarikh yang sama, Majlis turut melakarkan sejarah dengan melancarkan logo korporat dan motto yang baharu. Mulai daripada detik bersejarah itu, Majlis kini berubah wajah dan mempunyai identiti korporat yang unik dan tersendiri. Logo Majlis tersebut melambang jati diri warganya dan menjadi kebanggaan serta cerminan imej, reputasi, budaya korporat dan etos kerja seluruh jentera pentadbiran Majlis berasaskan nilai muafakat, integriti, dinamik dan progresif.

Selain daripada itu, Majlis turut melaksanakan penstrukturan semula pentadbiran wakaf Negeri Perak bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja seiring dengan pewujudan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang mula berkuat kuasa pada 12 Februari 2016. Berikutan itu, dana wakaf sedia ada telah dijenamakan semula dan dinamakan sebagai Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR). Majlis pelancaran WPAR telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 7 April 2016.

Sebagai susulannya, beberapa projek telah disusun dan direncanakan pelaksanaannya di bawah pembiayaan WPAR mengikut segmen teras tertentu seperti Keagamaan, Ekonomi, Kesihatan dan Pendidikan. Menerusi WPAR, kutipan wakaf serta pengurusan dana dan hartanya akan lebih bersistematik, berstruktur dan telus mengukuhkan keyakinan masyarakat bahawa, setiap sumbangan harta yang diwakafkan akan diurus tadbir dengan efektif dan efisyen berlandaskan lunas-lunas syarak dan kemudiannya dibangunkan dan dimanfaatkan mengikut niat pewakaf demi kemaslahatan ummah.

## PENGHARGAAN

Akhir kalam, saya mewakili Anggota Majlis, para pegawai dan seluruh warga kerja Majlis, merafakkan junjungan setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah di atas segala bimbingan, nasihat dan naungan keperihatinan Baginda yang tiada penghujungnya terhadap urus tadbir Majlis. Patik sekalian mendoakan kesejahteraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Tuanku bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri serta seluruh kerabat Baginda sekaliannya. Semoga pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa aman, makmur dan berada di bawah limpahan rahmat dan keberkatan Ilahi.

Rasa penghargaan dan terima kasih turut disampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Kerajaan Persekutuan, badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang sentiasa memberikan sokongan berterusan kepada Pentadbiran Majlis.

Akhir sekali, dengan ingatan tulus iklas dan rasa kasih yang tak terhingga, saya merakamkan penghargaan yang tinggi khususnya kepada pihak Pengurusan Majlis yang terdiri daripada pelbagai lapisan peringkat warga kerja kerana merekalah nadi penggerak utama perjalanan operasi Majlis. Pada kesempatan ini juga, saya menyampaikan kalungan tahniah dan ucapan syabas di atas pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan bagi tahun 2016. Sesungguhnya, warga kerja Majlis merupakan tunjang utama kejayaan Majlis dan telah menunjukkan kesungguhan, dedikasi dan komitmen kerja yang tinggi berbekalkan semangat kesepunyaan serta kerjasama yang jitu secara kolektif ke arah mencapai matlamat yang dihajatkan.

"Memperteguh Syariat, Melestari Adat".

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin**
*Yang Dipertua*
*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*

# PERUTUSAN
## Ketua Pegawai Eksekutif

*"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami.*

*(Al-Baqarah: 286)*




Segala puji dan syukur dirafakkan kehadrat Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan keizinannya jua Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (Majlis) bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dapat diterbitkan.

Pertumbuhan ekonomi negara masih disurami kegawatan akibat Krisis Kewangan Global yang melanda. Kejatuhan harga komoditi minyak mentah, ditambah pula sentimen negatif terhadap isu dalaman negara dan kejatuhan nilai matawang Ringgit memberi kesan secara langsung terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, lanskap ekonomi dunia juga kian mencabar berikutan permintaan global yang lembab di samping perkembangan politik ekonomi maju yang di luar jangkaan, telah menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia pada tahun 2016 dicatatkan pada kadar 3.1% (2015: 3.2%) [1], lebih rendah berbanding catatan pada tahun sebelumnya.



Meskipun, terpaksa berdepan rintangan besar dari dalam dan luar negara, ekonomi Malaysia masih mampu mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 4.2% (2015: 5.0%)[2]. Perkembangan perlahan dalam semua sektor ekonomi domestik berpunca daripada kos sara hidup yang semakin meningkat, serta sentimen perniagaan dan pengguna yang sedikit terjejas akibat beberapa faktor global dan faktor dalam negeri, termasuk ketidaktentuan pasaran kewangan yang semakin ketara serta prestasi lemah matawang Ringgit yang berterusan.

Kegawatan ini bukan sahaja menjejaskan keputusan pada peringkat nasional, malah turut memberi kesan terhadap prestasi pertumbuhan ekonomi negeri-negeri termasuklah Negeri Perak Darul Ridzuan. Tahun 2016 telah menyaksikan kadar pertumbuhan KDNK Negeri Perak Darul Ridzuan yang menyusut berbanding tahun sebelumnya dengan catatan sebanyak 4.1% (2015: 6.0%) [3]. Bagaimanapun, prestasi yang ditunjukkan hampir setara dengan paras pertumbuhan nasional (4.2%), menggambarkan persekitaran ekonomi yang masih kondusif dan berdaya maju. Keadaan ini disokong oleh petunjuk-petunjuk ekonomi yang lain, antaranya KDNK per kapita yang meningkat berbanding tahun sebelumnya dicatatkan sebanyak RM27,246 (2015: RM25,451) [4] , kadar pengangguran yang kekal rendah pada 3.4% [5] , hampir setara dengan paras nasional (3.5%) serta rizab Kerajaan Negeri yang kekal berada pada paras yang kukuh.

Perkembangan ini, telah memberikan rangsangan tambahan kepada seluruh warga Pengurusan Majlis untuk berusaha dengan lebih gigih, mempergiatkan usaha, melipatgandakan ikhtiar untuk mendepani segala cabaran. Ujian yang mendatang diibaratkan suatu 'jump-start' kepada jentera Pengurusan Majlis untuk membuat penilaian semula dan tinjauan balas terhadap keberkesanan perancangan dan pelan tindakan sebelum ini untuk merumuskan formula dan strategi baharu yang lebih berkesan bagi memastikan penjanaan hasil yang optimum, pengurusan kewangan yang lebih cermat lagi berhemah, serta pengagihan yang lebih adil lagi saksama dapat direalisasikan.

Firman Allah SWT – surah Ali Imran Ayat 200;

"Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap siaga (di perbatasan negeri mu) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung."




## PENCAPAIAN

Di sebalik fenomena kegawatan yang melanda, Majlis telah berjaya mencatatkan keputusan yang agak memberangsangkan bagi tahun kewangan 2016. Alhamdulillah, pungutan zakat dan fitrah telah merekodkan peningkatan yang begitu baik dengan catatan berjumlah RM151.18 juta. Jika dibandingkan pungutan yang dicatatkan bagi tahun 2015, berjumlah RM136.31 juta, berlaku peningkatan sebanyak 10.91% atau RM14.87 juta. Catatan ini juga merupakan rekod pencapaian tertinggi pungutan zakat Negeri Perak setakat ini.

1 Sumber: Laporan Tahunan 2016, Bank Negara Malaysia
2 Sumber: siaran akhbar 'KDNK Mengikut Negeri 2016', Jabatan Perangkaan Negara
3 Ibid
4 Sumber: maklumat daripada laman sesawang Jabatan Perangkaan Negara, https://www.dosm.gov.my
5 Ibid




**Rajah 1:** Carta perbandingan pungutan keseluruhan zakat dan fitrah tahun 2015-2016

Perkembangan ini memberikan indikasi positif, bahawa, sokongan dan kepercayaan penuh warga muslimin di negeri ini terhadap Majlis selaku instutisi yang telah diamanahkan untuk mentadbir zakat masih berkekalan, malah bertambah baik. Di samping itu, peningkatan pungutan zakat turut menggambarkan bahawa, prinsip altruisme [6] yang dianjurkan oleh Islam berjaya dihayati dan dijiwai oleh warga muslimin di negeri ini hingga mampu mengatasi hambatan ekonomi yang melanda masyarakat.

Selain kepatuhan kepada kehendak syariah, kesedaran masyarakat terhadap prinsip kemanusiaan berpaksikan semangat ikhwanul muslimim, turut menjadi faktor kejayaan kritikal kepada pencapaian yang ditempa. Ibarat kata pepatah – berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, kesediaan warga muslimin untuk sama-sama saling membantu meringankan beban saudara seagama yang memerlukan bantuan tatkala diuji pula dengan persekitaran hidup yang mencabar merupakan cerminan sikap terpuji seperti yang diajarkan oleh agama serta diteladani daripada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Dari sudut perakaunan, di bawah prinsip pemadanan pungutan dan agihan zakat bagi tahun semasa telah menunjukkan lebihan bersih sebanyak RM7.35 juta (2015: -RM40.83 juta) yang akan dimanfaatkan untuk agihan pada tempoh perakaunan berikutnya. Keputusan ini dilihat berkontradiksi dengan tahun terdahulu, yang mencatatkan kekurangan bersih akibat pengagihan melebihi pungutan. Perkara ini disebabkan aktiviti pengagihan berbentuk *one offs* pada tahun berkenaan yang tidak berulang pada tahun semasa seperti peruntukan di bawah asnaf fisabilillah bagi membina sebuah asrama pelajar di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) bernilai RM15 juta, dan juga peruntukan di bawah asnaf muallaf bagi menaik taraf Sekolah Agama Rakyat (Orang Asli) Nurul Hidayah di Kampung Kenang, Sungai Siput (Utara) bernilai RM4 juta.




**Rajah 2:** Carta perbandingan pungutan dan agihan zakat keseluruhan 2016

[6] Prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebahagian orang lain daripada diri sendiri

Selain zakat, pungutan hasil daripada sumber am baitulmal pula menunjukkan prestasi pencapaian yang sederhana. Berbanding pungutan hasil dicatatkan bagi tahun 2015 berjumlah RM15.23 juta, berlaku pengurangan sebanyak 12.88% atau RM1.96 juta, menjadikan jumlah pungutan hasil menyusut kepada RM13.27 juta pada tahun 2016. Penyusutan ini disebabkan pendapatan luar jangka berbentuk one offs yang diterima pada tahun kewangan 2015, hasil daripada penebusan semula pelaburan-pelaburan saham.




**Rajah 3:** Carta perbandingan pungutan hasil keseluruhan sumber am tahun 2005-2006

Pada peringkat Kumpulan, keputusan kewangan sumber am baitulmal Majlis telah digabungkan dengan keputusan kewangan syarikat subsidiari, iaitu – PKEINPK Sdn. Bhd. (PSB), sebuah entiti perniagaan milikan penuh Majlis yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Berdasarkan keputusan bagi tahun 2016, Kumpulan telah mencatatkan lebihan pendapatan bersih selepas cukai dan zakat berjumlah RM9.1 juta, meningkat 64.15% atau RM3.56 juta berbanding catatan tahun sebelumnya berjumlah RM5.54 juta.

**Rajah 4:** Logo rasmi PKEINPK Sdn. Bhd.

Pencapaian yang begitu baik berjaya dicatatkan pada peringkat Kumpulan berikutan peningkatan ketara dalam penjanaan hasil daripada sektor perladangan sawit yang diusahakan oleh PSB. Selain mengekalkan tahap produktiviti yang tinggi dalam penghasilan buah tandan segar kelapa sawit, pencapaian terbaik PSB turut didorong faktor peningkatan harga sawit dunia yang semakin baik pada tahun 2016.




**Rajah 5:** Trend harga bulanan Minyak Sawit Mentah (CPO); sumber daripada laman sesawang Malaysia Palm Oil Council (MPOC) www.mpoc.org.my

Berdasarkan analisa kedudukan kewangan, pada peringkat Kumpulan, aset bersih Kumpulan mencatatkan peningkatan sebanyak 33.66% (2015: -1.86%) atau RM101.11 juta, daripada RM300.42 juta dicatatkan pada tahun 2015 melonjak kepada RM401.54 juta dicatatkan pada tahun 2016. Manakala, pada peringkat Majlis sendiri, aset bersih turut mengalami peningkatan 13.52% (2005: -2.3%) atau RM27.48 juta, daripada RM203.22 juta dicatatkan pada tahun 2015 kepada RM230.70 juta dicatatkan pada 2016. Berdasarkan kedudukan kewangan Majlis ketika ini, Alhamdulillah, asas kewangan Majlis masih kekal teguh dan berdaya maju.

Dari sudut pengagihan dan perbelanjaan pula, Pengurusan Majlis, amat menekankan prinsip adil, saksama dan inklusif berteraskan nilai Insaniyyah dalam mempertimbangkan setiap permohonan yang diterima.

Bagi tahun 2016, asnaf fakir dan miskin masih merupakan pengagihan terbesar zakat dengan jumlah mencecah RM84.02 juta, menurun 12.14% atau RM11.61 juta, berbanding agihan pada tahun sebelum berjumlah RM95.63 juta. Manala, pengagihan kedua terbesar ialah asnaf fisabilillah dengan jumlah agihan RM31.87 juta, menurun 30.71% atau RM14.12 juta, berbanding agihan pada tahun sebelum berjumlah RM45.99 juta.




**Rajah 6:** Carta perbandingan agihan zakat mengikut asnaf secara keseluruhan tahun 2015-2016

## MENEMPA JATI DIRI GEMILANG

Majlis sebagai wadah kesepaduan ummah telah menelusuri sejarah yang panjang. Lebih 67 tahun yang lalu, pada tanggal 1 Muharam 1369 Hijriah bersamaan 23 Oktober 1949, lahir sebuah badan yang tercetus daripada semangat nasionalisme rakyat, terilham daripada semangat perpaduan Melayu berteraskan kesatuan ummah untuk memelihara dan mempertahankan kesucian agama Islam. Malah, ia turut menjadi pencetus semangat warga bangsa menuntut kemerdekaan daripada penjajah.

Semangat yang sama masih terus membara hingga ke hari ini. Wadah pusaka bangsa kini diwariskan pula kepada generasi yang baharu. Kesinambungan usaha yang diwarisi kini beranjak ke medan baharu yang lebih mencabar, berdepan dengan arus modenisasi dan globalisasi. Majlis kini, perlu lebih versatil, dinamik dan pragmatik agar sentiasa bersedia menghadapi pelbagai rintangan. Cerminan tekad dan iltizam Majlis untuk melaksanakan anjakan transformasi telah dijelmakan dengan pembaharuan kepada identiti korporatnya. Majlis kini ditampilkan dengan wajah korporat yang baharu. Namun, matlamat dan hala tuju masih kekal sama demi memartabatkan keluhuran dan keagungan Islam di samping mempertahankan survival ummah.

Bermula hanya sebagai suatu unit kecil di bawah Pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Pengurusan Majlis, atau lebih dikenal sebagai Baitulmal di mata masyarakat, kini berkembang menjadi salah sebuah agensi yang berperanan penting di arus perdana, mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi setara dengan agensi-agensi lain di Negeri Perak yang memberi khidmat kepada masyarakat khusus yang beragama Islam di negeri ini.

Justeru, pada 27 September 2016, Majlis telah bertukar wajah, berimej baru, beridentiti sendiri. Mulai pada hari tersebut, Majlis mempunyai jati diri korporat yang baharu, unik dan tersendiri, membezakannya dengan agensi-agensi lain di Negeri Perak. Logo Korporat Majlis yang dahulunya mengguna pakai jata Negeri Perak kini ditukarkan kepada logo yang baharu. Warga Majlis turut berbangga apabila Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbudin Shah Al-Maghfur-Lah, yang juga mantan Yang Dipertua Majlis, telah berkenan mencemar duli untuk berangkat hadir bagi menyempurnakan majlis pelancaran logo tersebut.

**Rajah 7:** Logo Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Pelancaran jati diri korporat Majlis yang baharu ini merupakan suatu pengiktirafan kepada seluruh warga kerja Majlis dan pantulan kepada kesungguhan, kecekalan dan komitmen kerja yang dicurahkan oleh mereka selama ini. Selain menjadi biasan citra diri warganya, logo korporat yang dilancarkan turut menyematkan lambang etos kerja seluruh warga kerja yang produktif, kompetitif dan progresif. Selain itu, ia turut menerapkan semangat kesepunyaan di kalangan seluruh warga kerja, agar sentiasa menanam azam, memadu tekad, membulatkan muafakat, untuk membawa Majlis ke arah kecemerlangan serta menggalas amanah untuk memangkin kesejateraan dan kemajuan ummah.

## MEMAHAT DI DALAM BARIS, BERKATA DALAM PUSAKA [7]

Ibarat kata pepatah – "yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang", sesuatu kejayaan itu tidak akan dicapai tanpa sebarang usaha, dan usaha pula tidak berkesan tanpa perancangan yang rapi. Jika, sesebuah organisasi itu gagal untuk merancang bermakna ia telah merancang untuk gagal.

Pada era teknologi yang serba moden dan canggih ini, cabaran juga semakin rumit dan semakin kompleks. Segala-galanya perlu pantas dan tangkas jika tidak mahu ketinggalan dalam persaingan. Demikian juga pentadbiran Majlis, perlu sentiasa dinamik dan pragmatik, mampu mengadptasi diri sesuai dengan arus perkembangan semasa. Majlis perlu mempunyai hala tuju yang definitif, perencanaan yang terancang dan gerak kerja yang tersusun lagi sistematik. Justeru, seiring dengan pelancaran Logo Korporat Majlis, pada 27 September 2016, Majlis turut melancarkan secara rasmi Pelan Strategik enam tahun bermula daripada tahun 2016 hingga 2021. Majlis pelancarannya juga telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

Perancangan merupakan landasan bagi sesebuah organisasi untuk bergerak mencapai misi dan visinya. Menerusi perancangan, warga sesebuah organisasi akan tahu apa yang patut disumbangkan untuk mencapai objektif dan matlamat yang telah disasarkan. Perancangan turut membudayakan pengurusan dan warga organisasi untuk melihat jauh ke hadapan, berfikiran kritis lagi optimis dan berusaha gigih memajukan diri ke arah kecemerlangan.

Justeru, Pelan Strategik Majlis 2016-2021 ini telah direncanakan sedemikian rupa untuk menyediakan asas dan panduan kepada kepimpinan tertinggi Majlis dan seluruh warga kerjanya untuk mengembleng tenaga dan usaha secara kolektif – menjitukan semangat dan muafakat, bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Idea pembentukan Pelan Strategik Majlis ini pada awalnya tercetus daripada titah perutusan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan ketika menyempurnakan upacara Pengurniaan Watikah Yang Dipertua dan Anggota MAIPk pada 23 Rabiulakhir 1436 Hijriah bersamaan 13 Februari 2015. Buah fikiran, saranan dan panduan yang dipetik daripada titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu, telah dijadikan Mandat dan Aspirasi, yang menjadi asas kepada pembentukan Pelan Strategik Majlis.

[7] Peribahasa Melayu bermaksud mengerjakan sesuatu menurut aturan atau perancangan



Berpaksikan Mandat dan Aspirasi yang diilhamkan itu, 3 Sektor Tujahan telah dibentuk, iaitu –

(i) Ketinggian syiar Islam;
(ii) Pendidikan mentransformasi ummah; dan
(iii) Kemajuan ekonomi untuk kesejahteraan ummah

Daripada 3 Sektor Tujahan tersebut, sebanyak 4 Bidang Strategik telah ditentukan bagi membentuk 10 Dimensi Strategik. Berdasarkan Dimensi-dimensi Strategik itu pula, sebanyak 20 Strategi telah dikenalpasti, yang kemudiannya menggariskan pula 46 Tindakan untuk dilaksanakan oleh Pengurusan Majlis dan syarikat subsidiarinya, iaitu PSB.

# Pelan Strategik MAIPk 2016

## 01 Mandat dan Aspirasi

Memajukan Ummah Melindungi Kesucian Syiar Islam

## 03 Sektor Tujahan

- KETINGGIAN SYIAR ISLAM
- PENDIDIKAN MENTRANSFORMASI UMMAH
- KEMAJUAN EKONOMI UNTUK KESEJAHTERAAN

## 04 Bidang Strategik

- KEUTUHAN MANDAT
- MEMPERKASAKAN MAIPk
- PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH
- KEMAJUAN EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN

## 10 Dimensi Strategik

- SYIAR ISLAM
- KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU
- HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU
- KEUTUHAN UNDANG-UNDANG ISLAM
- KELESTARIAN SUMBER
- KEAMPUHAN DAYA UPAYA ORGANISASI
- PEMBINAAN KETERAMPILAN DAN PEMAJUAN DAYA FIKIR ABAD KE 21
- PENGHAYATAN AL-QURAN
- PEMAJUAN USAHAWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN
- KESEJAHTERAAN SOSIO EKONOMI KELUARGA

## 20 Strategik

## 46 Tindakan

Pelan Strategik yang telah dibentuk sedemikian rupa, diharapkan dapat merintis jalan dan memandu arah organisasi pentadbiran Majlis ke arah kejayaan dan kecemerlangan yang lebih gemilang. Namun, komitmen dan kesungguhan semua Anggota Majlis dan warga kerjanya secara sinergi dan kolektif amatlah kritikal dalam menentukan setiap perancangan dan strategi yang dirangka terlaksana dengan jayanya serta membuahkan hasil yang positif. Pelan Strategik tersebut, juga merupakan ikrar dan ikhtiar Majlis serta agensi-agensi yang bernaung di bawahnya untuk berusaha gigih secara secara bersama dan bergandingan dalam satu gerak kerja bersepadu menuju ke arah visi dan matlamat yang sama.

## WAKAF SUATU PELABURAN ABADI

Dari perspektif Islam, pembangunan ekonomi tidak hanya menekankan aspek materialistik yang menumpukan usaha mengumpul kekayaan semata-mata, tetapi perlu diseimbangkan dengan pembangunan modal insan. Modal insan merupakan aset ekonomi yang paling kritikal terhadap pembangunan ekonomi negara. Modal insan yang cemerlang menjamin kesinambungan masa depan negara yang makmur, sejahtera dan progresif, malah menjadi pencetus inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonomi agar negara sentiasa dinamik, kompetitif, berdaya tahan dan berdaya maju.

Islam sebagai agama yang syumul telah menyediakan platform yang ideal dalam mencorakkan pembangunan ekonomi menerusi ibadah zakat dan wakaf. Selain pembentukan sahsiah dan peradaban diri yang taat kepada perintah Ilahi, ibadah berkenaan turut mempunyai unsur muamalat yang menjana pertumbuhan ekonomi.

Zakat dan wakaf kedua-duanya merupakan instrumen fiskal dan kewangan yang mampu menerapkan nilai keseimbangan sosial selain berperanan sebagai mekanisme yang mampu merapatkan jurang ekonomi di kalangan masyarakat. Namun, berbeza dengan amalan zakat yang telah diwajibkan menurut syariat, wakaf merupakan infak yang dikeluarkan atas kerelaan diri. Semangat melakukan kebaikan atas kerelaan hati merupakan intipati penting untuk membina ummah yang syumul, mampu mencipta kehebatan di dunia tanpa mengabaikan persediaan akhirat. Wakaf membina kekuatan masyarakat berteraskan prinsip altruisme [8] .

Sejarah membuktikan, wakaf boleh berperanan sebagai medium utama pengagihan kekayaan dalam konteks menyeluruh bagi mencapai keseimbangan dalam pembangunan ekonomi. Jika ditinjau sejarah awal amalan berwakaf pada zaman Rasulullah SAW, Uthman bin `Affan pernah mewakafkan telaga al-Raumah yang menjadi sumber bekalan air utama umat Islam Madinah ketika itu. Air merupakan komoditi asas yang amat diperlukan untuk kehidupan. Justeru, sumber pendanaan wakaf boleh dikembangkan hingga berupaya membiayai keperluan kemudahan asasi manusia seperti pendidikan, pusat kesihatan, tempat ibadat serta kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, pengangkutan, komunikasi dan sebagainya.

Menyedari hakikat peri pentingnya amalan wakaf dalam membina jati diri dan keperibadian muslim yang cemerlang serta berperanan sebagai salah satu instrumen ekonomi yang berpotensi besar untuk dikembangkan, pihak Pengurusan Majlis telah melaksanakan suatu anjakan transformasi dengan menyusun semula pentadbiran harta wakaf di Negeri Perak dengan menerapkan ciri-ciri pengurusan holistik serta menjenamakannya semula.

Mulai 12 Februari 2016, Enakmen Wakaf (Perak) 2015 telah dikuatkuasakan sepenuhnya. Menerusi Enakmen tersebut, urus tadbir wakaf yang dilaksanakan oleh Majlis kini mempunyai asas kuasa yang lebih jelas dan menyeluruh termasuklah urusan berkaitan hak pemilikan dan perlindungan harta serta pentadbiran dan penyelenggaraan harta berkenaan. Manakala, pada 7 April 2016, suatu dana wakaf yang dinamakan Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) telah dilancarkan secara rasmi. Majlis pelancaran WPAR telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Di bawah inisiatif WPAR, beberapa projek wakaf telah dilancarkan dan disegmenkan mengikut Teras masing-masing, iaitu; Keagamaan, Kesihatan dan Pendidikan dan Ekonomi.

WAQAF
Perak Ar - Ridzuan

[8] Prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebahagian orang lain daripada diri sendiri



Sebagai contohnya buat permulaan, di bawah Teras Keagamaan; dilancarkan program Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran, di bawah Teras Kesihatan; dilancarkan Wakaf Pembinaan Pusat Hemodialisis, di bawah Teras Pendidikan; dilancarkan Wakaf Pembinaan Bangunan Kediaman Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah dan di bawah Teras Ekonomi; dilancarkan Wakaf Bot dan Wakaf Pembinaan Pusat Perniagaan.

Dalam rangka usaha mempromosikan WPAR, selain penyertaan di dalam program-program anjuran tempatan, Pengurusan Majlis turut menyertai beberapa seminar dan dialog pada peringkat nasional mahupun internasional antaranya World Islamic Economic Forum (WIEF) Kali Ke-12, Jakarta, Indonesia pada 1hb hingga 5hb Ogos 2016 dan Pangkor International Development Dialogue (PIDD), Ipoh, Perak.

## MERINTIS HALA TUJU MENEMPUH MASA DEPAN

Menyedari hakikat bahawa, pertumbuhan ekonomi negara masih digalangi isu kegawatan yang masih berada pada fasa pemulihan secara beransur-ansur, pihak Pengurusan Majlis harus bersedia dari segi mental dan spiritual untuk mendepani apa jua cabaran dan rintangan walau segetir mana sekalipun.

Mengorak langkah ke hadapan, berbekalkan keazaman dan semangat kerja berpasukan serta dilengkapi pula perancangan kerja yang definitif lagi konstruktif, menerusi pelaksanaan Pelan Perancangan Strategik 2016-2021, pihak pengurusan berasa penuh yakin lagi optimis, Majlis akan terus menjadi institusi yang relevan dan penting di arus perdana, khususnya di Negeri Perak, dalam usaha mengangkat martabat ummah di samping mempertahankan keluhuran dan kesucian agama Islam. Majlis akan terus berperanan aktif merapatkan jurang ekonomi di kalangan masyarakat serta melibatkan diri secara inklusif dalam ikhtiar untuk menangani insiden kemiskinan khususnya di kalangan masyarakat Muslim di negeri ini.

Bagi Pengurusan Majlis pula, penerapan budaya kerja berprestasi tinggi yang menekankan aspek progresif, inovatif dan kreatif dalam pengurusan operasi Majlis akan terus diamalkan agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat diperbaiki dan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Penekanan terhadap nilai kesepunyaan dalam etos kerja serta penerapan prinsip altruistik dalam menangani setiap gelagat pelangggan akan terus ditempa sebagai jati diri pekhidmat Majlis. Pada masa yang sama, usaha meningkatkan penjanaan hasil baitulmal sama ada bersumberkan dana zakat, wakaf mahupun sumber am akan terus dirintis, diteroka dan dilipatgandakan demi kepentingan dan kemaslahatan ummah.

Justeru, Pengurusan Majlis mengambil bersikap optimistik dan berkeyakinan tinggi bahawa, sokongan berterusan warga Muslim terhadap institusi baitulmal akan terus mantap dan penjanaan sumbernya akan terus diperkasakan. Justeru, bersandarkan keyakinan dan tawakal kepada Rabul Jalil, Pengurusan Majlis berasa yakin untuk meletakkan sasaran yang lebih tinggi pada tahun hadapan.

## KALUNGAN PENGHARGAAN

Junjungan setinggi-tinggi kasih dirafakkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan atas kepercayaan dan keyakinan Baginda kepada seluruh warga kerja Majlis untuk bersama-sama mengurus tadbir Majlis yang berperanan sebagai wasilah rakyat khususnya di kalangan muslimin dan muslimat seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan. Pengurusan Majlis digalaskan amanah yang berat lagi sukar untuk mengendalikan baitumal dan wakaf yang menghubungkan jurang kesejateraan dan kemakmuran antara golongan yang berkemampuan dengan golongan yang memerlukan sokongan dan bantuan. Namun, amanah yang terjunjung di atas batu jemala seluruh warga kerja Majlis akan dipikul sebaik mungkin dengan kesungguhan, tekad dan keazaman yang tinggi.

Rasa penghargaan juga turut disampaikan kepada barisan kepimpinan Anggota Majlis atas sokongan, kepercayaan, bimbingan dan panduan serta menyumbangkan buah fikiran yang bernas dalam membantu pihak Pengurusan Majlis mengekalkan prestasi dan kualtiti perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih disampaikan juga kepada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di atas sokongan yang berterusan kepada Majlis. Tidak ketinggalan juga kepada badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan, orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang turut memberikan sokongan yang berterusan kepada Majlis. Sesungguhnya, tanpa dokongan anda, Majlis tidak mampu berdiri sebagai agensi pembela ummah seperti yang terzahir ketika ini.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga kerja Majlis atas sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memastikan kejayaan yang ditempa bagi tahun kewangan 2016 ini tercapai dengan cemerlang.

"Memperteguh Syariat, Melestari Adat".

**Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed**
*Ketua Pegawai Eksekutif*
*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*

muka 26

# Penyata Pengurusan **Risiko Dan Kawalan Dalaman**

- Pengenalan
- Ulasan Keberkesanan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
- Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan



# Pengenalan

Penyataan ini disediakan berpandukan Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman – Garis Panduan bagi Pengarah Penerbit Tersenarai (Garis Panduan) yang dikeluarkan pada 31 Disember 2012. Garis Panduan ini memberi panduan kepada syarikat-syarikat bagi mematuhi perenggan 15.26(B) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Prinsip 6 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada Mac 2012. Sebagai sebuah badan berkanun, tidak ada keperluan bagi Pengurusan Majlis untuk mematuhi garis panduan tersebut. Bagaimanapun, Pengurusan Majlis berpegang teguh kepada ketetapan untuk mengikuti amalan urus tadbir yang baik dan telah memilih untuk mematuhinya mengikut *framework* pelaporan Pengurusan Majlis. Penyataan ini menggariskan jenis dan skop sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan Majlis sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan ini.

## Tanggungjawab Dan Kebertanggungjawaban

Persidangan Majlis menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Pengurusan Majlis, Persidangan Majlis memainkan peranan fungsi pengawasan dan memastikan pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang mantap bagi mengekalkan tadbir urus yang baik.

Persidangan Majlis bertanggungjawab ke atas pengawasan risiko utama dan menitikberatkan pengurusan risiko di setiap operasi dan proses Pengurusan Majlis. Persidangan Majlis juga memperakui bahawa sistem kawalan dalaman yang mantap dapat memastikan pencapaian objektif Pengurusan Majlis tidak terjejas, operasi yang berkesan dan cekap, pelaporan kewangan yang andal, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai serta perlindungan aset Pengurusan Majlis yang wajar. Persidangan Majlis memperakui sistem kawalan dalaman yang direka bentuk oleh Pengurusan Majlis adalah bertujuan untuk menangani dan mengurangkan risiko yang boleh memberi impak kepada pencapaian mandat dan objektif Pengurusan Majlis.

Semakan terhadap keberkesanan, integriti dan kesempurnaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan Majlis merupakan satu proses bersepadu dan berterusan. Proses ini melibatkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan, Audit Dalaman dan Khidmat Perundingan serta Juruaudit Luaran.

## Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Rangka kerja Pengurusan Risiko Pengurusan Majlis adalah berasaskan amalan terbaik Piawaian bagi Risiko Australia / New Zealand (AS/NZS 4360:2004). Rangka kerja Pengurusan Risiko menggariskan tadbir urus dan struktur, proses serta tanggungjawab pengurusan risiko di seluruh Pengurusan Majlis. Rangka kerja ini juga memberi satu instrumen untuk membuat unjuran dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran operasi luaran dan dalaman Pengurusan Majlis.




Struktur pengawasan Pengurusan Risiko memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan menurut kecenderungan risiko Pengurusan Majlis.

Unit Perancangan Strategik dan Risiko juga bertindak sebagai sekretariat kepada Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Sebagai sekretariat, Unit Perancangan Strategik dan Risiko bertanggungjawab bagi pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan polisi dan prosedur pengurusan risiko. Unit Perancangan Strategik dan Risiko menyokong pengurusan dengan menjalankan aktiviti pengurusan risiko, menyediakan penilaian keupayaan pengurusan risiko dan memberi cadangan yang sesuai bagi penambahbaikan, jika diperlukan.

# Ulasan Keberkesanan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

## Jawatankuasa

Persidangan Majlis telah menubuhkan beberapa jawatankuasa-jawatankuasa yang bertindak dan mengamalkan urus tadbir yang baik, telus dan berakauntabiliti serta berintegriti. Setiap jawatankuasa memainkan peranan sebagai pandu arah, pemantau dan menyediakan khidmat nasihat kepada operasi agar bergerak pada landasan dasar dan polisi yang telah ditetapkan Persidangan Majlis. Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat secara langsung dengan kawalan dalaman adalah Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit. Namun terdapat juga jawatankuasa-jawatankuasa kerja induk yang terlibat secara tidak langsung dengan kawalan dalaman seperti Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Akaun, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Lantikan dan Jawatankuasa Tatatertib.

## Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Peranan utama Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah membantu pengurusan dalam memastikan kelancaran dan keteguhan kerangka kerja pengurusan risiko bagi mendepani segala rintangan untuk mencapai objektif organisasi. Terma Rujukan dan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Risiko dijelaskan secara terperinci di muka surat 29 pada Laporan Tahunan ini.

## Jawatankuasa Audit

Peranan utama Jawatankuasa Audit adalah menilai keperluan dan keberkesanan kerangka kerja kawalan dalaman Pengurusan Majlis termasuklah memastikan perlaksanaan polisi kawalan, dan memantau integriti kawalan dalaman serta sistem pengurusan informasi menerusi fungsi Audit Dalam. Pada masa yang sama, jawatankuasa menyelia laporan kewangan Pengurusan Majlis bagi memastikan ia dibentang dengan tepat dan menggambarkan status prestasi kewangan Pengurusan Majlis yang sebenar serta mematuhi undang-undang dan kehendak standard penyediaan laporan kewangan.

## Pengurusan

Pihak Pengurusan mengambil maklum bahawa tanggungjawab mereka dalam melaksanakan proses mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko serta kawalan dalaman memerlukan ketelitian dan masa bagi langkah pembetulan yang perlu diambil.

Pengurusan memberi jaminan kepada Persidangan Majlis bahawa pengurusan risiko dan kawalan dalaman diuruskan dengan baik dan berkesan. Pengurusan telah melaksanakan proses-proses yang diperlukan seperti:

- Mengenalpasti dan menganalisa insiden risiko di Majlis dan menilai pencapaian objektif serta menetapkan strategi

- melaksana kerangka kerja pengurusan risiko dan memantau agar tersusun mengikut strategi ditetapkan

- Mengenalpasti perubahan akibat kewujudan risiko, mengambil tindakan yang sewajarnya serta segera mendapatkan perhatian Persidangan Majlis.

**a) Persekitaran Kawalan**

Persekitaran kawalan adalah merujuk kepada struktur organisasi dan budaya kerja yang diterapkan oleh Pengurusan Majlis bersama pekhidmat-pekhidmat untuk mengekalkan sokongan organisasi terhadap kawalan dalaman yang efektif. Komitmen Pengurusan Majlis untuk membina dan mengekalkan keberkesanan kawalan dalaman adalah melalui struktur organisasi, jawatankuasa-jawatankuasa kerja, nilai korporat (muafakat, akrab, integriti, profesionalisme dan kesederhanaan), etika kerja, objektif organisasi dan polisi-polisi yang ditetapkan.

**b) Penilaian Risiko**

Penilaian Risiko adalah proses mengenalpasti dan menganalisa risiko yang mengganggu gugat usaha merealisasikan objektif organisasi. Mengurus risiko adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu, proses-proses interaksi melibatkan langkah-langkah yang teliti dan teratur sentiasa dititikberatkan dalam setiap keputusan atau ketetapan yang hendak diputuskan. Pekhidmat juga dibenarkan dan digalakkan agar mengenalpasti risiko di persekitaran tempat kerja masing-masing. Malah, pekhidmat diminta menilai tahap keberkesanan kawalan dalaman yang dipraktiskan.

**c) Aktiviti Kawalan**

Yang dimaksudkan oleh aktiviti kawalan adalah merujuk kepada prosedur yang membantu Pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan lancar dan baik.

**d) Informasi dan Komunikasi**

Maklumat-maklumat penting yang dikenalpasti, diambil

perhatian dan dibincangkan dalam medium yang bersesuaian. Walaupun tidak menjadi polisi komunikasi yang rasmi, MAIPk mengamalkan komunikasi secara terbuka. Komunikasi terbuka ini adalah budaya yang mampu memotivasi pekhidmat untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Dimensi-dimensi komunikasi diterap dengan baik bagi memastikan keperluan dan kehendak pelanggan dapat ditangani serta memperlihatkan komunikasi yang berkesan. Dengan itu, maklumbalas tahap perkhidmatan juga adalah dialu-alukan demi proses penambahbaikan perkhidmatan.

e) **Pemantauan**
Memantau keberkesanan kawalan dalaman adalah satu kewajiban bagi setiap jabatan. Penilaian secara berkala dilaksanakan sebagai komitmen berterusan termasuklah pelaporan kewangan setiap suku tahun, pelaporan pencapaian petunjuk prestasi utama serta pelaporan etika dan tingkah laku semua pekhidmat.

# Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko

## Keahlian

Keahlian Jawatankuasa adalah dilantik oleh Persidangan Majlis dari kalangan ahli-ahli MAJLIS yang memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan risiko. Ahli-ahli tersebut adalah seperti berikut:

| BIL | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1 | YBhg. Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan | Pengerusi |
| 2 | YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini | Ahli |
| 3 | YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed | Ahli |
| 4 | YBhg. Tuan Haji Asád bin Awang | Ahli |
| 5 | YBhg. Dato' Mohamah Nor bin Mansor | Ahli |
| 6 | YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed | Setiausaha |

## Ringkasan Terma Rujukan

Terma Rujukan memantapkan kedudukan kuasa, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Kunci utama peranan dan tanggungjawab jawatankuasa diringkaskan seperti berikut:

i. Menyemak dan mengesyorkan dasar, strategi pengurusan dan had penerimaan risiko.

ii. Menyemak semula dan menilai keupayaan strategi, dasar, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko secara lebih efektif.

iii. Memastikan prasarana, sumber dan sistem disediakan dengan lengkap bagi meminimumkan risiko.

iv. Menyemak laporan berkala berkaitan pendedahan terhadap risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktivi pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Majlis.

v. Melaporkan perkara-perkara pengurusan risiko kepada MAJLIS.

## Laporan Aktiviti Pengurusan Risiko

**Risiko Operasi**
Pada tahun 2016, beberapa aktiviti dilaksanakan sebagai pelan tindakan bagi menangani risiko-risiko operasi yang dikenalpasti melalui isu-isu perjawatan, pengurusan wakaf, keselamatan pejabat dan keselamatan teknologi maklumat.

**Operasi Perjawatan**
Bagi memastikan isu perjawatan diambil perhatian, MAIPk telah mengambil langkah melaksanakan pengukuhan perjawatan dengan merangka struktur perjawatan yang mengambil kira kedudukan pegawai kontrak.

**Operasi Pengurusan Wakaf**
Risiko-risiko berkaitan operasi pengurusan wakaf boleh menggangu kelancaran pentadbiran wakaf di Negeri Perak. Oleh itu, antara pelan tindakan yang disusun bagi memastikan risiko ini dapat ditangani adalah dengan melaksanakan pengemaskinian maklumat / data wakaf melalui operasi jejak pewakaf, bancian wakaf bersama jawatankuasa, mengambil tidakan melalui proses undang-undang seperti pindaan parta, penguatkuasaan Enakmen Wakaf (Perak) 2015, perintah peletakhakkan ke atas nama MAIPk, rundingan dan "Legalize" pendudukan atau perusahaan tanah dengan peneroka/ penceroboh.

Selain itu, bagi memastikan pembangunan dan manfaat wakaf dapat dilaksanakan dengan lebih memberansangkan, pihak MAIPk membuat hebahan sewaan/pajakan dengan tawaran yang menarik dan kompetatif menggunakan medium- yang mempunyai capaian yang lebih luas, Menyertai badan-badan wakaf Internasional serta melantik pengurus projek daripada agensi / NGO yang mempunyai kepakaran dan kemahiran bertepatan dengan projek yang dirancang. MAIPk juga merancang untuk mendapatkan kebenaran pelepasan cukai

daripada LHDN / Kementerian Kewangan serta mendapatkan khidmat nasihat perbadanan wakaf / majlis agama islam negeri lain bagi memperolehi inisiatif-inisiatif meningkatkan kutipan wakaf dikalangan masyarakat mahupun syarikat-syarikat korporat.

**Operasi Keselamatan pejabat**

Bagi tujuan persediaan terhadap risiko keselamatan pejabat, MAIPk telah mengambil tindakan mewujudkan bilik kawalan yang dilengkapi panel bomba, melaksanakan penyenggaraan penggera kebakaran serta membangunkan *Emergency Rescue Plan* (ERP). Selain itu, pemasangan Penggera Keselamatan Pintu dan Tingkap, Pintu Elektronik / *Access Control*, CCTV dan Sistem Kunci Tuil dipastikan sempurna di setiap tempat serta diselenggara secara berkala.

Bagi memastikan tidak berlaku pencerobohan dan pendedahan dokumen, Sistem Daftar dan Pergerakan Kunci sentiasa dikawal malah Sistem Pergerakan Fail, Sistem Fail Terperingkat (Rahsia Besar / Rahsia / Sulit / Terhad), Tapisan Keselamatan ke atas Pegawai yang menguruskan Dokumen Terperingkat dan pengwujudan Bilik Fail Terperingkat dilaksanakan sebagai kawalan sedia ada.

Selain itu, sebagai langkah bersiap siaga dengan risiko kebakaran, MAIPk menjalankan penyelenggaraan berkala ke atas generator sokongan, memastikan soket elektrik kecemasan dalam keadaan baik, pemeriksaan dan pelaporan pendawaian oleh Pihak TNB serta membangunkan SOP pelan tindakan jika berlaku gangguan bekalan elektrik dan *Emergency Rescue Plan* (ERP).

Malah, tindakan kecil kawalan sediaada seperti kawalan dan pembasmian serangga perosak juga diberi perhatian bagi memastikan pemeliharaan dokumen dan aset terpelihara dengan baik. Langkah mendigitalkan dokumen juga diambil bagi tujuan yang sama.

**Operasi Keselamatan teknologi maklumat**

Risiko berkaitan keselamatan teknologi maklumat mampu memberi impak yang sangat besar kepada MAIPk. Oleh itu, beberapa kawalan sedia ada dan tindakan baru dirancang pada tahun 2016 bagi memastikan risiko-risiko tersebut dapat dielak atau ditanganii dengan baik.

Keselamatan maklumatan yang terkandung dalam *server* MAIPk jadi keutamaan. Dengan itu, salinan pendua data dan sistem ke lokasi yang berasingan iaitu di Seri Iskandar sebagai *Disaster Recovery Center* (DRC). Bagi memastikan salinan pendua di DRC dilaksanakan dengan baik, maka perancangan membangunkan *Disaster Recovery Plan* (DRP) dimasukkan serta simulasi pemulihan bencana dijadualkan dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun

Keselamatan maklumat daripada ancaman penggodaman siber juga disenaraikan sebagai risiko yang diambil tindakan. Antara tindakan yang diambil adalah melaksanakan kawalan trafik keluar dan masuk melalui *firewall*, menginstalasi antivirus di setiap komputer peribadi, mengemaskini maklumat kakitangan yang berhenti atau bertukar di sistem yang berkaitan, menggunakan perisian yang berdaftar dan dilindungi, menguatkuasakan Dasar Keselamatan ICT MAIPk.

Selain itu, MAIPk merancang melaksanakan *'Security Posture Assessment* (SPA)' iaitu melakukan pengujian ke atas rangkaian untuk melihat kelemahan-kelemahan keselamatan yang wujud di dalam rangkaian seterusnya melaksanakan tindakan pengukuhan hasil daripada SPA dan tidak menggunakan kaedah *"encrypted email"* untuk tujuan edaran maklumat sulit.

Bagi memastikan system sentiasa dapat digunakan dengan baik tanpa gangguan kegagalan elektrik, MAIPk menyalurkan peralatan sokongan kuasa seperti *Uninterruptable Power Supply* (UPS) di server supaya mendapat bekalan kuasa berterusan serta menyemak dan menguji bekalan kuasa tersebut secara berkala.

**Risiko Kewangan**

Pada tahun 2016, penumpuan risiko kewangan diberi keutamaan kepada pengurusan wakaf berikutan pelancaran WPAR yang telah diperkenan oleh Paduka Seri DYMM Sultan Perak. Oleh itu, MAIPk mewujudkan sistem maklumat wakaf tersendiri bagi memudahkan pengurusan kewangan wakaf. Disamping itu, pengasingan akaun wakaf (WPAR) dengan akaun wakaf sedia ada juga diwujudkan malah akaun diasingkan mengikut projek agar penerimaan hasil wakaf dipantau dengan sistematik.

**Risiko Reputasi**

Risiko reputasi boleh terjadi sekiranya masyarakat kurang yakin dan kurang memberi sambutan terhadap produk-produk yang dilancarkan oleh MAIPk. Maka, perancangan dan kawalan sediada dijadikan sebagai mitigasi dengan menetapkan tanggungjawab pemasaran produk WPAR kepada Bahagian Pemasaran supaya lebih fokus, perlaksanaan kempen-kempen dan hebahan aktiviti / program melalui penggunaan medium yang interaktif seperti Portal (wakafperak.maiamp.gov.my), memastikan maklumat agihan wakaf sentiasa dikemaskini agar masyarakat meyakini ketelusan dan kredebiliti MAIPk sebagai pemegang amanah dan pentadbir wakaf. Selain itu, di peringkat dalaman MAIPk, Kursus / latihan sistem wakaf (WPAR) disusun serta program kesedaran dan pemahaman khusus berkaitan wakaf ditingkatkan.

**RUMUSAN**

Kejayaan perlaksanaan Pengurusan Risiko di MAIPk adalah bergantung kepada penerimaan disiplin pengurusan risiko. Sebagai penghargaan, MAIPk akan sentiasa menguruskan risiko dengan baik dan memperteguhkan disiplin serta memartabatkan pengurusan risiko kepada tahap yang lebih baik. Pengurusan risiko adalah proses yang dinamik dan memerlukan kepada pemantauan secara berterusan bagi memastikan keberkesanannya.

# Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan

## Pengenalan

Pada tahun 2016, MAIPk terus memberikan penekanan kepada Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP). Pengurusan risiko kecemasan (ERM) sentiasa meletakkan usaha-usaha mitigasi bagi memastikan daya pulih perkhidmatan-perkhidmatan utama dalam tahap terbaik walaupun berlaku sebarang bencana.

## PKP Untuk Pelanggan

Antara hala tuju PKP pada tahun ini, MAIPk membuat semakan terhadap Pelan Kesinambungan Perkhidmatan khusus pada skop pelanggan. Ia merujuk kepada kesesuaian keperluan penyampaian perkhidmatan dengan peredaran masa. Maka ia melibatkan perlaksanaan analisa terhadap rantaian nilai pelanggan. Berdasarkan analisa yang dilaksanakan, MAIPk memastikan keutuhan sistem-sistem secara optima, proses kerja yang mesra pelanggan dan efisyen serta kepelbagaian rangkaian yang berkesan. Perkara-perkara tersebut adalah bersandarkan keupayaan dalaman dan penambahbaikan yang berterusan di peringkat operasi.

## PKP Untuk Pengurusan Perubahan

Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan dibuat semakan dan diuji secara berkala bagi memastikan penggunaan teknologi adalah yang terkini dan bersesuaian dengan perubahan keperluan perkhidmatan serta perubahan keperluan perundangan. MAIPk juga sentiasa memberikan kesedaran kepada semua pekhidmat berkaitan kesinambungan perkhidmatan. Pasukan Kecemasan Bencana (ERT), Pasukan Pemulihan Bencana (DRT) dan Pasukan Komunikasi Krisis (CCT) yang ditubuhkan sentiasa disiap siagakan dengan pelan yang lengkap dan komprehensif sebagai panduan tindakan.

## Hala Tuju Masa Hadapan

Kegagalan MAIPk menyedia dan menyampaikan perkhidmatan akibat kegagalan sistem operasi bukan sahaja akan memberi impak kepada pelanggan tetapi juga akan memperlihatkan kepincangan MAIPk dalam menyempurnakan objektif organisasi. Sebagai usaha memitigasi risiko ini, MAIPk sentiasa melaksanakan penambahbaikan dan meningkatkan pelan PKP serta program-programnya.

Sesungguhnya, MAIPk percaya komitmen jitu yang diberikan dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan dan kemandirian dapat menyumbang kepada skala yang besar terhadap kestabilan organisasi.

muka

# 32 Analisa Pengurusan 2016

- Pungutan Zakat 2012 – 2016
- Agihan Zakat 2012 – 2016
- Pendapatan Sumber Am 2012 - 2016
- Perbelanjaan Sumber Am 2012 - 2016
- Bilangan Pembayar Zakat Bagi Tahuan 2014, 2015,2016
- Pungutan Zakat Bagi Tahun 2016
- Agihan Zakat Bagi Tahun 2016
- Pendapatan Sumber Am Bagi Tahun 2016
- Perbelanjaan Sumber Am Bagi Tahun 2016
- Senarai Tanah Wakaf Yang Diwartakan Pada Tahun 2016



## PUNGUTAN ZAKAT 2012 – 2016




## AGIHAN ZAKAT 2012-2016










**Tidak termasuk keuntungan bank dan pendapatan lain.*

## PENDAPATAN SUMBER AM 2012 - 2016






## PERBELANJAAN SUMBER AM 2012 - 2016






## BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT BAGI TAHUAN 2014, 2015,2016

| BIL | DAERAH | BILANGAN PEMBAYAR | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2015 | 2016 |
| 1 | Ibu Pejabat | 34,915 | 37,081 | 42,821 |
| 2 | Batu Gajah | 1,227 | 1,558 | 1,309 |
| 3 | Bagan Serai | 1,592 | 1,414 | 1,693 |
| 4 | Gerik | 763 | 625 | 734 |
| 5 | Kampung Gajah | 1,092 | 861 | 1,108 |
| 6 | Kuala Kangsar | 2,324 | 2,208 | 2,459 |
| 7 | Kampar | 650 | 706 | 855 |
| 8 | Lenggong | 339 | 290 | 369 |
| 9 | Manjung | 3,191 | 3,220 | 3,867 |
| 10 | Parit Buntar | 1,828 | 1,918 | 1,875 |
| 11 | Pengkalan Hulu | 201 | 204 | 234 |
| 12 | Selama | 476 | 421 | 458 |
| 13 | Seri Iskandar | 1,610 | 1,699 | 1,894 |
| 14 | Muallim | 892 | 929 | 995 |
| 15 | Taiping | 3,671 | 3,809 | 4,137 |
| 16 | Teluk Intan | 2,809 | 2,731 | 3,213 |
| 17 | Tapah | 1,534 | 1,581 | 1,566 |
| 18 | UTC | 2,151 | 2,621 | 3,128 |
| **JUMLAH** | | **61,265** | **63,876** | **72,715** |

## PUNGUTAN ZAKAT BAGI TAHUN 2016

| BIL. | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Zakat Fitrah | 8,435,617 |
| 2 | Zakat Harta | 83,866,583 |
| 3 | Zakat Perniagaan | 51,655,199 |
| 4 | Zakat Tanaman | 1,042,019 |
| 5 | Keuntungan Bank | 6,185,551 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **151,184,969** |

## AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2016

| BIL. | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| **PEMBANGUNAN ASNAF** | | |
| 1 | Fakir dan Miskin | 84,025,991 |
| 2 | Muallaf | 4,486,061 |
| 3 | Ghorimin | 1,377,157 |
| 4 | Ibnu Sabil | 656,498 |
| 5 | Fisabilillah | 31,868,113 |
| | **JUMLAH** | **122,413,820** |
| **PENGURUSAN** | | |
| 6 | Amil | 21,418,394 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **143,832,214** |






## PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2016

| BIL. | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Sewaan hartanah | 2,441,899 |
| 2 | Baitulmal am | 353,736 |
| 3 | Keuntungan pelaburan | 9,194,606 |
| 4 | Hasil faraid | 558,050 |
| 5 | Pelbagai pendapatan | 536,974 |
| 6 | Pendapatan tertunda | 181,025 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **13,266,290** |

| TAHUN | KUTIPAN (RM) |
|---|---|
| 2014 | 9,851,167 |
| 2015 | 15,228,614 |
| 2016 | 13,266,290 |

## PERBELANJAAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2016

| BIL. | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Emolumen | 2,605,645 |
| 2 | Bekalan dan perkhidmatan | 3,751,472 |
| 3 | Pembangunan ummah | 768,232 |
| 4 | Perbelanjaan lain | 1,604,461 |
| 5 | Susutnilai | 148,869 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **8,878,679** |

| TAHUN | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|
| 2014 | 7,031,758 |
| 2015 | 9,027,281 |
| 2016 | 8,878,679 |






## SENARAI TANAH WAKAF YANG DIWARTAKAN PADA TAHUN 2016

| BIL. | DAERAH | PEJABAT PENTADBIRAN MAIPk | JUMLAH LOT | KELUASAN TANAH WAKAF (HEKTAR) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kuala Kangsar | Kuala Kangsar | 8 | 2.69480 |
| 2 | Hulu Perak | Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu | 12 | 6.42076 |
| 3 | Kerian | Bagan Serai | 11 | 3.73040 |
| 4 | Larut & Matang | Taiping | 3 | 1.36660 |
| 5 | Selama | Selama | 2 | 0.39810 |
| 6 | Kinta | Ipoh dan Batu Gajah | 4 | 0.68260 |
| 7 | Kampar | Kampar | 2 | 1.39210 |
| 8 | Muallim | Muallim | 2 | 1.35910 |
| 9 | Bagan Datuk | Teluk Intan | 1 | 0.50585 |
| 10 | Hilir Perak | Teluk Intan | 1 | 0.33880 |
| 11 | Manjung | Manjung | 2 | 0.28370 |
| 12 | Perak Tengah | Seri Iskandar | 3 | 1.82120 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **51** | **20.99401** |

40 muka

# Informasi **Korporat**

- Carta Struktur Fungsi
- Carta Organisasi MAIPk 2016
- Piagam Pelanggan
- Pelan Strategik MAIPk 2016
- WAQAF Perak Ar-Ridzuan (WPAR)
- Senarai Nama Ahli Majlis, Jawatan Dan Kehadiran Ke Persidangan Majlis 2016
- Jawatankuasa - Jawatankuasa Utama
- Jawatankuasa Baitulmal Daerah 2016
- Bilangan & Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Utama
- Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Daerah Tahun 2016
- Ex-Officio, Ahli Yang Dilantik dan Setiausaha
- Pengurusan Ibu Pejabat dan Pengurusan Pejabat Cawangan
- Anugerah Dan Pengiktirafan



# Carta Struktur Fungsi



# Carta Organisasi MAIPk 2016



# Piagam Pelanggan

## 1. Bahagian Pemasaran Dan Pungutan Hasil

1. Memberi Maklumbalas Jemputan Program-Program Promosi Zakat Dalam Tempoh Tiga (3) Hari.

2. Menyelesaikan Taksiran Zakat Perniagaan Dalam Tempoh Tiga (3) Hari.

3. Menyelesaikan Taksiran Zakat Harta Selain Zakat Perniagaan Dalam Tempoh 30 Minit.

## 2. Bahagian Agihan Zakat Dan Pemerkasaan Asnaf

1. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Baik Pulih Rumah Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Empat (4) Bulan.

2. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Persekolahan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Empat (4) Bulan.

3. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Bina Rumah Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Lima (5) Bulan.

4. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Perubatan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.

5. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Perjalanan Domestik Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.

6. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Am Pelajaran (Persediaan) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.

7. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Am Pelajaran (Pendaftaran IPT) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.

8. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Hemodialisis Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.

9. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Kecemasan Daripada Permohonan Yang Lengkap Diterima Di Kaunter Dalam Tempoh 30 Minit.

10. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Penyelesaian Hutang Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan.

11. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Modal Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan.

12. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Kewangan Bulanan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan.

13. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Sewa Rumah Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan.

14. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Dermasiswa (Dalam Negara) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan.

15. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Dermasiswa (Luar Negara) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan.

16. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Tambang Perjalanan Sehala Pergi Atau Balik (Belajar Luar Negara) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Dua (2) Bulan.

17. Menyelesaikan Permohonan Kes-Kes Rayuan Semua Jenis Bantuan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.

## 3. Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Mal Dan Wakaf

1. Memaklumkan Keputusan Urusan Jual Beli Tanah Baitumal Di Bawah 40 Pole (1/4 Ekar) Dalam Tempoh Satu Setengah (1 1/2) Bulan Daripada Tarikh Permohonan Diterima.

2. Mengemukakan Permohonan Mewakafkan Tanah Yang Lengkap Ke Pejabat Daerah Dan Tanah Dalam Tempoh Lima (5) Hari Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima (Perletakhakan Berkanun).

3. Memaklumkan Keputusan Bagi Permohonan Yang Lengkap Mengenai Sewaan / Pajakan Tanah Dan Bangunan Dalam Tempoh Empat Belas (14) Hari.

4. Memaklumkan Keputusan Bagi Permohonan Yang Lengkap Mengenai Sewaan Kemudahan-Kemudahan Lain Di Kompleks Islam Darul Ridzuan Dalam Tempoh Tiga (3) Hari.

## 4. Bahagian Kewangan

1. Menyelesaikan Semua Urusan Pembayaran Perbekalan Dalam Tempoh 14 Hari Bekerja Daripada Tarikh Tuntutan Yang Lengkap Diterima.

2. Menyelesaikan Urusan Pelanggan Di Kaunter Pungutan Dalam Tempoh Tidak Melebihi 30 Minit.

## 5. Bahagian Khidmat Pengurusan

1. Menyelesaikan Pengambilan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, Kumpulan Sokongan I Dan II Dalam Tempoh Enam (6) Bulan Dari Tarikh Tutup Iklan Kekosongan Jawatan Disiarkan.

2. Memberi Maklum Balas Terhadap Pertanyaan / Surat-Menyurat Daripada Pihak Luar Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.

## 6. Unit Pembangunan Ummah

1. Memberi Maklum Balas Aduan Berkaitan Masjid, Surau, Sekolah Agama Rakyat Dan Tanah Perkuburan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.

2. Memberi Keputusan Permohonan Khatib Jemputan Dalam Tempoh Tidak Lebih Lima (5) Hari.

3. Memberi Keputusan Pengesahan Teks Khutbah Khas Dalam Tempoh 14 Hari.

4. Memberi Keputusan Permohonan Pembangunan Islam Yang Lengkap Dalam Tempoh Satu (1) Bulan Selepas Permohonan Yang Lengkap Diterima.

5. Memberi Kelulusan Memungut Derma Di Negeri Perak Dalam TempohLima (5) HariDaripada Tarikh Permohonan Lengkap Diterima.

## 7. Unit Perhubungan Korporat

1. Memberi Maklum Balas Terhadap Semua Aduan Pelanggan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.

2. Memastikan Urusan Pelanggan Di Kaunter Pada Tahap Amat Baik Dan Cemerlang Melebihi 80 Peratus Mengikut Pengukuran Smiley Box.

## Mandat dan Aspirasi

Memajukan Ummah Melindungi Kesucian Syiar Islam

## Sektor Tujahan

- KETINGGIAN SYIAR ISLAM
- PENDIDIKAN MENTRANSFORMASI UMMAH
- KEMAJUAN EKONOMI UNTUK KESEJAHTERAAN




## Bidang Strategik

- KEUTUHAN MANDAT
- MEMPERKASAKAN MAIPk
- PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH
- KEMAJUAN EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN

## Dimensi Strategik

- SYIAR ISLAM
- KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU
- HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU
- KEUTUHAN UNDANG-UNDANG ISLAM
- KELESTARIAN SUMBER
- KEAMPUHAN DAYA UPAYA ORGANISASI
- PEMBINAAN KETERAMPILAN DAN PEMAJUAN DAYA FIKIR ABAD KE 21
- PENGHAYATAN AL-QURAN
- PEMAJUAN USAHAWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN
- KESEJAHTERAAN SOSIO EKONOMI KELUARGA

# WAQAF Perak Ar-Ridzuan (WPAR)

## Logo dan pengertian

Warna emas melambangkan bahawa nilai wakaf yang disumbangkan itu kekal sepanjang zaman dan mampu memberikan nilai yang tinggi kepada penyumbang.

Menandakan usaha yang berterusan serta istiqamah pihak MAIPk dalam menjayakan amanah yang diberikan oleh ummah tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan kekal di tengah paksi yang berlandaskan syariat.

WAQAF

Perak Ar - Ridzuan

Tulisan ini diletakkan di bawah dengan maksud semua hasil yang diterima melalui WAKAF akan dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Perak.

Nilai kesenian Islam yang kontemporari menunjukkan bahawa WAQAF kekal relevan mengikut perubahan zaman. 7 titik warna hitam pada ejaan PERAK membawa maksud projek- projek wakaf yang dijalankan. 3 titik warna kuning melambangkan Institusi Diraja yang memayungi seluruh rakyat negeri Perak yang dipimpin oleh Sultan, Raja Muda dan Raja Dihilir.

## Visi

Menjadi Institusi Wakaf Yang Unggul dan Berintegriti Berlandaskan Kepada Al-Quran dan As- Sunnah

## Misi

Memperkasakan Institusi Wakaf Demi Kelestarian Aset Wakaf Serta Kesejahteraan Dan Kemajuan Ummah

# Senarai Nama Ahli Majlis, Jawatan Dan Kehadiran Ke Persidangan Majlis 2016

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran ke Persidangan Majlis |
|---|---|---|---|
| 1 | YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin | Yang Dipertua | 4/4 |
| 2 | YB. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan | Ahli Majlis | 2/4 |
| 3 | YB. Dato' Rohana Binti Abd Malek | Ahli Majlis | 3/4 |
| 4 | YB. Dato' Haji Mohd. Gazali Bin Jalal | Ahli Majlis | 3/4 |
| 5 | YB. Dato Drs. Mohd Nizar Bin Haji Zakaria | Ahli Majlis | 3/4 |
| 6 | YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani Bin Haji Zakaria | Ahli Majlis | 3/4 |
| 7 | YAA. Dato' Haji Asa'ari Bin Haji Mohd. Yazid | Ahli Majlis | 3/4 |
| 8 | YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop Bin Haji Husin | Ahli Majlis | 3/4 |
| 9 | YABhg. Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir Bin Wan Hussain | Ahli Majlis | 3/4 |
| 10 | YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar Bin Zaini | Ahli Majlis | 4/4 |
| 11 | YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary Bin Ahmed | Ahli Majlis | 4/4 |
| 12 | YBhg. Dato' Haji Md Salleh Bin Haji Md @ Haji Ahmad | Ahli Majlis | 1/4 |
| 13 | YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor Bin Mansor | Ahli Majlis | 4/4 |
| 14 | YBhg. Tuan Haji As'ad Bin Awang | Ahli Majlis | 3/4 |
| 15 | YDH. Dato' Dr. Syed Jaafar Bin Syed Aznan Jamalullail | Ahli Majlis | 3/4 |
| 16 | YBhg. Dato' Dr. Afifi al-Akiti | Ahli Majlis | 3/4 |
| 17 | YDH. Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin Bin Haji Nazari | Ahli Majlis | 3/4 |
| 18 | YBhg. Dato' (Dr.) Haji Abd Malek Bin Awang Kechil | Ahli Majlis | 3/4 |
| 19 | YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin Bin Kardi | Ahli Majlis | 4/4 |
| 20 | YABhg. Dato' Seri Zainal Adzam Bin Abd. Ghani | Ahli Majlis | 4/4 |
| 21 | YDH. CP Dato' Sri Abd. Rahim Bin Haji Hanafi | Ahli Majlis | 2/4 |
| 22 | Allahyarham YABhg. Dato' Seri Ismail Bin Shahudin (telah kembali ke rahmatullah pada 30 Julai 2016) | Ahli Majlis | 1/2 |
| 23 | YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed | Setiausaha | 4/4 |

# Jawatankuasa - Jawatankuasa Utama

### Jawatankuasa Fatwa
PENGERUSI
YABhg SS. Tan Sri Dato' Seri
(Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria

### Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah
PENGERUSI
YB. Dato' Rohana Binti Abd Malek

### Jawatankuasa Audit
PENGERUSI
YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary Bin Ahmed

### Jawatankuasa Pelantikan Pegawai MAIPk
PENGERUSI
YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed

### Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi
PENGERUSI
YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed

### Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan
PENGERUSI
Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman

### Jawatankuasa Tatatatertib
PENGERUSI
YBhg. Dato' Haji Mohamed Hashim Bin Kasmon

### Jawatankuasa Risiko
PENGERUSI
YDH.Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja
Dato' Dr. Syed Jaafar Bin Syed Aznan

### Jawatankuasa Tender
PENGERUSI
YB. Dato' Haji Mohd Gazali Bin Jalal

# Jawatankuasa Baitulmal Daerah 2016

## 1. DAERAH KUALA KANGSAR

**PENGERUSI**
YABHG. ORANG KAYA TEMENGGONG PADUKA RAJA DATO' SERI WAN MOHD FATHIR @ FADZIR BIN WAN HUSSAIN
*ORANG BESAR JAJAHAN KUALA KANGSAR*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN HAJI WAN MOHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA
*PEGAWAI DAERAH KUALA KANGSAR*

## 2. DAERAH TAIPING DAN SELAMA

**PENGERUSI**
DATO' KAMARUDDIN BIN AWANG
*PEGAWAI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA*

**PENGERUSI BERSAMA**
YABHG. ORANG KAYA MENTERI PADUKA TUAN DATO HAJI WAN MOHD ISA BIN DATO' HAJI WAN MOHD RAZALI
*ORANG BESAR JAJAHAN LARUT MATANG DAN SELAMA*

## 3. DAERAH BAGAN SERAI

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA OKK LAKSAMANA RAJA MAHKOTA, DATO' HAJI MEOR REDWAN BIN MAHAYUDIN
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH KERIAN*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBRS. TUAN MOHD SABLI BIN BAKRI
*PEGAWAI DAERAH KERIAN*

## 4. DAERAH TELUK INTAN

**PENGERUSI**
YBHG. DATO SERI HAJI AMIN SHUKERI BIN DATO ALI AKBAR
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH HILIR PERAK*

**PENGERUSI BERSAMA**
HAJI ZAMARI BIN MOHD RAMLI
*PEGAWAI DAERAH HILIR PERAK*

## 5. DAERAH PENGKALAN HULU, GERIK, DAN LENGGONG

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA KAYA SERI ADIKA RAJA SHAHBANDAR MUDA DATO' MEOR ROSLAN BIN DATO' SERI MEOR AHMAD RASHIDI
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH HULU PERAK*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. TUAN ZAMAKHSHARI BIN HANIPAH
*PEGAWAI DAERAH HULU PERAK*

## 6. DAERAH IPOH DAN BATU GAJAH

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA KAYA PANGLIMA KINTA SERI AMAR BANGSA DIRAJA DATO' AB WAHAB BIN DATO' SERI AZIZUL HASSAN
*ORANG BESAR JAJAHAN KINTA*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN HAJI TARMIDZI BIN ABD MANAP
*PEGAWAI DAERAH KINTA*

## 7. DAERAH MUALLIM

**PENGERUSI**
YDH. TOH PADUKA SETIA DATO' IR DR SAFRY KAMAL BIN HJ AHMAD
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH MUALLIM*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. PUAN NOR SHAM BINTI RAHMAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Nota | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|---|
| **KUTIPAN ZAKAT** | | | |
| Zakat Fitrah | | 8,435,617 | 8,239,339 |
| Zakat Harta | | 83,866,583 | 75,699,491 |
| Zakat Perniagaan | | 51,655,199 | 47,472,293 |
| Zakat Tanaman | | 1,042,019 | 1,096,192 |
| Keuntungan bank dan pendapatan lain | | 6,185,551 | 3,797,807 |
| **Jumlah kutipan zakat** | | 151,184,969 | 136,305,122 |
| **AGIHAN ASNAF** | | | |
| Amil | 19 | 21,418,394 | 21,631,993 |
| Fakir dan Miskin | | 84,025,991 | 95,635,792 |
| Muallaf | | 4,486,061 | 11,274,260 |
| Ghorimin | | 1,377,157 | 1,292,569 |
| Ibnu Sabil | | 656,498 | 1,308,046 |
| Fisabilillah | 20 | 31,868,113 | 45,994,282 |
| **Jumlah agihan zakat** | | 143,832,214 | 177,136,942 |
| **Lebihan/(Kekurangan) dana zakat dalam tahun** | | 7,352,755 | (40,831,820) |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN SUMBER AM BAITULMAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2016 RM | 2015 RM | 2016 RM | 2015 RM |
| Pendapatan | 21 | 47,266,709 | 43,026,896 | 12,548,290 | 8,932,876 |
| Kos operasi | | (23,535,615) | (23,519,795) | - | - |
| **Lebihan pendapatan kasar** | | 23,731,094 | 19,507,101 | 12,548,290 | 8,932,876 |
| Pendapatan-pendapatan lain | 22 | 13,575,577 | 9,382,037 | 717,999 | 6,295,738 |
| Perbelanjaan pentadbiran | 23 | (25,116,194) | (21,361,232) | ( 8,878,679) | ( 9,027,281) |
| **Lebihan pendapatan sebelum cukai dan zakat** | | 12,190,477 | 7,527,906 | 4,387,610 | 6,201,333 |
| Cukai | | (2,042,128) | (1,555,031) | - | - |
| Zakat | | (1,050,000) | (430,100) | - | - |
| **Lebihan pendapatan bagi tahun semasa** | | 9,098,349 | 5,542,775 | 4,387,610 | 6,201,333 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### KUMPULAN

| | Boleh diagih | Tidak boleh diagih | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Kumpulan Wang Baitulmal RM | Sumbangan Kerajaan RM | Tabung Pembiayaan Kakitangan RM | Rizab Lain RM | Jumlah RM |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 159,894,414 | 2,653,785 | 300,000 | 143,272,141 | 306,120,340 |
| Kekurangan pendapatan | (13,949,982) | - | - | - | (13,949,982) |
| Penambahan | - | 16,493 | - | - | 16,493 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | (958,361) | (958,361) |
| Pelarasan tahun lalu | 9,384,835 | - | - | - | 9,384,835 |
| **Baki pada 31 Disember 2015** | 155,329,267 | 2,485,955 | 300,000 | 142,313,780 | 300,429,002 |
| | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 155,329,267 | 2,485,955 | 300,000 | 142,313,780 | 300,429,002 |
| Lebihan pendapatan | 21,174,975 | - | - | - | 21,174,975 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | 68,062,243 | 68,062,243 |
| Pelarasan tahun lalu | 12,060,982 | - | - | - | 12,060,982 |
| **Baki pada 31 Disember 2016** | 188,565,224 | 2,301,632 | 300,000 | 210,376,023 | 401,542,879 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### MAJLIS

| | Boleh diagih | Tidak boleh diagih | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Kumpulan Wang Baitulmal RM [Nota 24] | Sumbangan Kerajaan RM [Nota 25] | Tabung Pembiayaan Kakitangan RM [Nota 26] | Rizab Modal RM [Nota 27] | Jumlah RM |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 155,521,122 | 2,653,785 | 300,000 | 49,523,841 | 207,998,748 |
| Kekurangan pendapatan | (14,320,666) | - | - | - | (14,320,666) |
| Penambahan | - | 16,493 | - | - | 16,493 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | 320,881 | 320,881 |
| Pelarasan tahun lalu | 9,384,835 | - | - | - | 9,384,835 |
| **Baki pada 31 Disember 2015** | 150,585,291 | 2,485,955 | 300,000 | 49,844,722 | 203,215,968 |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 150,585,291 | 2,485,955 | 300,000 | 49,844,722 | 203,215,968 |
| Lebihan pendapatan | 16,464,236 | - | - | - | 16,464,236 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | (856,405) | (856,405) |
| Pelarasan tahun lalu | 12,060,982 | - | - | - | 12,060,982 |
| **Baki pada 31 Disember 2016** | 179,110,509 | 2,301,632 | 300,000 | 48,988,317 | 230,700,458 |

### KUMPULAN WANG BAITULMAL TERDIRI DARIPADA:

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Zakat | 116,190,497 | 95,429,251 |
| Wakaf | 6,007,774 | 4,281,072 |
| Sumber Am | 28,564,180 | 25,528,814 |
| Amanah | 28,348,058 | 25,346,154 |
| | 179,110,509 | 150,585,291 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Nota | KUMPULAN 2016 RM | KUMPULAN 2015 RM | MAJLIS 2016 RM | MAJLIS 2015 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan sebelum cukai – | | | | | |
| Zakat | | 7,352,755 | (40,831,820) | 7,352,755 | (40,831,820) |
| Wakaf | | 1,721,967 | (716,398) | 1,721,967 | (716,398) |
| Sumber Am | | 11,140,477 | 7,097,806 | 4,387,610 | 6,201,333 |
| Amanah | | 3,001,904 | 21,026,219 | 3,001,904 | 21,026,219 |
| | | 23,217,103 | (13,424,193) | 16,464,236 | (14,320,666) |
| Pelarasan untuk: | | | | | |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | | 2,998,756 | 3,465,509 | 489,463 | 1,136,223 |
| Hapus kira hartanah, loji dan peralatan | | 32,779 | 99,582 | - | 5 |
| Hapus kira pelbagai penghutang | | - | 17,702 | - | - |
| Pelarasan tahun lalu | | 12,060,982 | 9,384,835 | 12,060,982 | 9,384,835 |
| Pelunasan ke atas sumbangan kerajaan | | (184,323) | (184,323) | (184,323) | (184,323) |
| Hapus kira perbezaan tidak dapat dikenal pasti antara perbelanjaan peralatan dan rekod syarikat-syarikat subsidiari tahun-tahun lepas | | - | 760,000 | - | - |
| Bayaran keuntungan atas pembiayaan kerajaan | | 826,408 | 848,931 | 826,408 | 848,931 |
| Keuntungan atas pelaburan | | (7,010,472) | (5,747,316) | (9,010,472) | (5,747,316) |
| Hibah bank | | (1,117,249) | (1,221,868) | (322,167) | (354,632) |
| Kemerosotan nilai pelaburan | | - | 358,104 | - | - |
| Kerugian daripada pelupusan syarikat-syarikat susidiari | | - | 235,564 | - | - |
| Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | - | (6,999) | - | - |
| Keuntungan daripada pelupusan perbelanjaan kemajuan tanaman | | (174,470) | (345,827) | - | - |
| Keuntungan daripada penjualan pelaburan | | - | (88,851) | - | - |
| Pelunasan perbelanjaan kemajuan tanaman | | 1,236,768 | 1,407,117 | - | - |
| Pembalikan hibah daripada simpanan tetap akibat pengeluaran awal sebelum tarikh matang | | - | 1,090 | - | - |
| Peruntukan hutang ragu | | (545,277) | - | - | - |
| Reklasifikasi tanah pajakan | | (3,500,000) | - | - | - |
| Peruntukan hutang ragu tidak diperlukan | | - | (58,338) | - | - |
| **Lebihan/(Kurangan) pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja** | | 27,841,005 | (4,499,281) | 20,324,127 | (9,236,943) |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| Perubahan modal kerja – | | | | | |
| Perubahan dalam inventori | | 49,822 | 437,058 | - | - |
| Perubahan dalam penghutang | | (802,824) | 316,793 | 107,017 | (559,116) |
| Perubahan dalam pelbagai penghutang | | (1,767,188) | (537,647) | (692,163) | (537,647) |
| Perubahan dalam pemiutang | | (6,943,792) | 8,093,143 | (7,017,915) | 7,806,261 |
| Perubahan dalam pelbagai pemiutang | | (2,613,382) | 1,204,630 | 78,014 | 1,204,630 |
| Perubahan dalam jumlah terhutang kepada badan induk muktamad | | (2,072,240) | - | - | - |
| Tunai (digunakan dalam)/daripada aktiviti-aktiviti operasi | | (14,149,604) | 9,513,977 | (7,525,047) | 7,914,128 |
| Cukai dibayar | | (2,042,128) | (1,411,503) | - | - |
| Perbelanjaan kemajuan tanaman | | (7,036,005) | (7,032,923) | - | - |
| Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti operasi | | 4,613,268 | (3,429,730) | 12,799,080 | (1,322,815) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Perolehan hartanah, loji dan peralatan | A | (1,304,604) | (1,686,822) | (464,609) | (615,917) |
| Perolehan hartanah pelaburan | | (1,253,000) | - | (1,253,000) | - |
| Perolehan aset dalam kemajuan | | (3,679,169) | (46,559) | (3,620,524) | - |
| Penjualan sekuriti pelaburan lain | | 25,381,405 | (9,673,423) | 25,381,405 | (9,673,423) |
| Penambahan pelaburan dalam syarikat subsidiari | | - | - | - | (2,000,000) |
| Penjualan pelaburan | | - | 338,851 | - | - |
| Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | 32,779 | 7,000 | - | - |
| Hasil daripada pelupusan perbelanjaan kemajuan tanaman | | 174,470 | 438,164 | - | - |
| Aliran (keluar)/masuk tunai bersih daripada pelupusan syarikat-syarikat subsidiari | | - | (299,459) | - | - |
| Dividen diterima daripada subsidiari | | - | - | 2,000,000 | 2,250,000 |
| Hasil daripada pelupusan pelaburan | | 9,169,295 | 3,497,316 | 9,169,295 | 3,497,316 |
| Hibah bank | | 1,117,249 | 1,221,868 | 322,167 | 354,632 |
| Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pelaburan | | 29,638,425 | (6,203,064) | 31,534,734 | (6,187,392) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Penambahan sumbangan kerajaan | | - | 16,493 | - | 16,493 |
| Bayaran balik pembiayaan jangka panjang | | (2,307,579) | (3,604,536) | (2,307,579) | (3,604,536) |
| Penambahan pembiayaan jangka panjang | | - | 2,089,000 | - | 2,089,000 |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan | | (2,307,579) | (1,499,043) | (2,307,579) | (1,499,043) |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2016<br>RM | 2015<br>RM | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
| Kenaikan/(Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | | 31,944,114 | (11,131,837) | 42,026,235 | (9,009,250) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari | | 136,444,233 | 147,576,070 | 103,550,220 | 112,559,470 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember | B | 168,388,347 | 136,444,233 | 145,576,455 | 103,550,220 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### A. PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Majlis membuat perolehan hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat masing-masing berjumlah RM1,304,604 (2015: RM1,686,822) dan RM464,609 (2015 : RM615,917). Kesemua perolehan tersebut dibuat secara tunai.

### B. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai yang termasuk di dalam penyata aliran tunai mengandungi amaun-amaun penyata kedudukan kewangan seperti berikut –

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 48,153,863 | 15,979,109 | 43,676,455 | 8,491,220 |
| Deposit dengan institusi kewangan berlesen | 120,234,484 | 120,465,124 | 101,900,000 | 95,059,000 |
| | 168,388,347 | 136,444,233 | 145,576,455 | 103,550,220 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 96 hingga 117 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis') merupakan sebuah badan berkanun kerajaan yang bertanggungjawab dalam menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Manakala, aktiviti utama syarikat subsidiari dihuraikan dalam Nota 7 kepada penyata-penyata kewangan ini.

Majlis dan syarikat susidiarinya disebut sebagai 'Kumpulan'. Tiada sebarang perubahan yang ketara dalam jenis-jenis aktiviti semasa Kumpulan dalam tahun kewangan ini.

Majlis diperbadankan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, berdomisil di Malaysia dan berfungsi sebagai pihak berkuasa utama selepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, dalam semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan.

Ibu Pejabat Majlis terletak di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak, Malaysia.

### 2. ASAS PENYEDIAAN

**a. Pernyataan pematuhan**

Penyata-penyata kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersurat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan. Penyata-penyata kewangan syarikat subsidiari pula telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Kumpulan dan Majlis masih mengekalkan penyediaan penyata-penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards – PERS) yang diperakukan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board - MASB).

Bagaimanapun, pada tahun semasa, Majlis telah membuat penyelarasan kepada persembahan penyata-penyata kewangan dengan mengadaptasi sebahagian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysian Public Sector Accounting Standards – MPSAS), terutamanya MPSAS 1 dan MPSAS 2 sebagai langkah persediaan awal untuk mengadaptasi MPSAS sepenuhnya pada masa hadapan.

Angka-angka perbandingan di dalam penyata-penyata kewangan Majlis bagi tahun sebelumnya diklasifikasi semula, mengikut mana yang berkenaan, supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

**b. Asas pengiraan**

Penyata-penyata kewangan telah disediakan mengikut asas kos sejarah.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

**c. Mata wang fungsian dan persembahan**

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Majlis. Kesemua maklumat kewangan dipersembahkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada ringgit terhampir, melainkan dinyatakan sebaliknya.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

**a. Asas penyatuan**

i. Syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus untuk memperoleh faedah daripada semua aktivitinya. Secara umum, pegangan saham ke atas syarikat subsidiari diiringi lebih daripada separuh hak mengundi. Penyatuan syarikat subsidiari dibuat sepenuhnya pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada kumpulan sehingga tarikh di mana kawalan ke atas syarikat subsidiari itu berhenti.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dikira pada kos setelah ditolak kerugian penjejasan terkumpul.

Dasar-dasar perakaunan syarikat subsidiari akan dipinda mengikut keperluan bagi memastikan ia konsisten dengan dasar-dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

ii. Kehilangan kawalan

Apabila kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari itu berhenti, Kumpulan akan mengiktiraf perbezaan antara perolehan ke atas pelupusan subsidiari dengan amaun bawaan pada tarikh pelupusan. Jika, Kumpulan masih memegang kepentingan ke atas bekas subsidiari itu, pelaburan tersebut dikira sebagai aset kewangan bermula daripada tarikh entiti berhenti daripada menjadi subsidiari, melainkan ia menjadi syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama. Amaun bawaan pelaburan pada tarikh entiti berhenti menjadi subsidiari dianggap sebagai kos pada permulaan pengiraan aset kewangan.

iii. Penyingkiran urusniaga semasa penyatuan

Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan disatukan, semua urusniaga antara syarikat, baki-baki dan keuntungan tidak direalisasi serta urusniaga antara Majlis dan syarikat subsidiari, yang merupakan pihak saling berkaitan, disingkirkan sepenuhnya. Kerugian dalam Kumpulan juga disingkirkan tetapi berkemungkinan menunjukkan suatu penjejasan yang memerlukan pengiktirafan di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**b. Hartanah, loji dan peralatan**

i. Pengiktirafan dan pengiraan

Item-item hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset, jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos aset tersebut dapat dinilai dengan pasti. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan aset serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa aset itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya, termasuk kos menanggal dan memindahkan item serta membaik pulih tapak di mana item itu berada. Kos aset dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan upahan langsung.

Item bernilai kurang RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) yang tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual, atau mana-mana item di bawah kategori perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk, tanpa mengira kos perolehan asal, tidak diiktiraf sebagai aset. Kos bagi item yang tidak diiktiraf sebagai aset akan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia diperoleh.

Pembelian perisian komputer yang melengkapkan kefungsian peralatan berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan berkenaan.

Apabila terdapat bahagian penting daripada hartanah, loji dan peralatan yang mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia akan dikira sebagai item berasingan (komponen utama) di bawah hartanah, loji dan peralatan.

Untung atau rugi atas pelupusan mana-mana item hartanah, loji dan peralatan dikenal pasti dengan membandingkan terimaan daripada pelupusan dengan amaun bawaan hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf bersih masing-masing di dalam "pelbagai pendapatan" atau "perbelanjaan lain" di dalam untung atau rugi.

Tanah pegangan kekal dan pegangan pajakan dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat oleh Majlis apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh yang terdekat. Bagi Majlis, harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Tanah pegangan warta tidak dinilai kerana hak milik yang tidak sempurna.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana item hartanah, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyelenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**b. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)**

ii. Kos berikutan

Kos penggantian sesuatu komponen bagi sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf di dalam amaun bawaan item berkenaan jika sekiranya terdapat kemungkinan bahawa, komponen yang diganti itu dijangka memberikan peningkatan manfaat ekonomi pada masa hadapan yang akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos tersebut dapat dinilai dengan pasti. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti itu akan dinyahiktiraf kepada untung atau rugi. Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan harian yang lain dicajkan kepada untung atau rugi dalam tahun kewangan ia berlaku.

iii. Susut nilai

Susut nilai diiktiraf di dalam untung atau rugi mengikut kadar garis lurus berdasarkan anggaran hayat penggunaan bagi setiap komponen bagi sesuatu item hartanah, loji dan peralatan bermula daripada tarikh ia sedia untuk digunakan.

Kumpulan tidak menyusutnilaikan tanah pegangan kekal kerana tiada batasan hayat kegunaan, manakala, tanah pegangan pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal. Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusunilaikan mengikut kadar tahunan seperti berikut:

| | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Bangunan-bangunan kekal | 2% - 2.5% |
| Bangunan-bangunan sementara | 10% |
| Kenderaan | 20% |
| Loji dan peralatan | 10% |
| Perkakas dan alatan pejabat | 10% - 25% |

Sejak laporan terakhir dibuat, sekiranya ada petanda bahawa, terdapat perubahan yang ketara pada kadar susut nilai, hayat kegunaan atau nilai sisa sesuatu aset, maka, susut nilai bagi aset berkenaan akan dinilai semula dan diperlaraskan secara prospektif jika bersesuaian.

**c. Hartanah pelaburan**

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewaan atau pajakan jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki oleh Kumpulan.

Pada permulaan, hartanah pelaburan dikira pada kos. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan hartanah pelaburan tersebut. Kos hartanah pelaburan yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan dan upahan langsung serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa hartanah pelaburan itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**c. Hartanah pelaburan (sambungan)**

Berikutnya, hartanah pelaburan diukur pada nilai wajar, dengan setiap perubahan di dalamnya akan diiktiraf di dalam untung atau rugi bagi tempoh ia ditimbulkan.

Sekiranya, pengukuran nilai wajar yang boleh dipercayai tidak dapat diperolehi tanpa melibatkan kos dan usaha yang tidak berpatutan, item berkenaan diklasifikasi sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diukur pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan apa-apa penjejasan terkumpul, sehingga pengukuran yang boleh dipercayai dapat diadakan. Pada tarikh tersebut, amaun bawaan hartanah pelaburan berkenaan menjadi kos kepadanya.

Untung atau rugi nilai wajar yang timbul daripada pengkelasan semula hartanah, loji dan peralatan kepada hartanah pelaburan diiktiraf di dalam untung dan rugi.

Sesuatu hartanah pelaburan dinyahiktiraf apabila ia dilupuskan, atau ia tidak digunakan langsung dan dijangkakan tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan akan diiktiraf pada untung atau rugi dalam tempoh ia dinyahiktiraf.

**d. Aset dalam kemajuan**

Aset dalam kemajuan dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan terkumpul, sekiranya wujud, dan tidak disusunilaikan. Aset dalam kemajuan diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan atau hartanah pelaburan setelah Majlis menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan yang membuktikan ia telah sedia untuk digunakan. Setelah diiktiraf, layanan perakaunan yang bersesuaian akan mula dikenakan.

**e. Pelaburan**

Pelaburan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran ditentukan oleh asas agregat. Pelaburan dibuat dengan menggunakan dana Sumber Am Baitulmal termasuk pelaburan dalam syarikat subsidiari. Peruntukan bagi kerugian rosot nilai saham tidak disediakan kerana pihak pengurusan berpendapat, pelaburan yang dibuat adalah berisiko rendah, dan bersifat jangka panjang.

**f. Inventori**

Inventori dinyatakan pada harga kos lebih rendah (dikenal pasti atas asas masuk dulu, keluar dulu) dan nilai penilaian bersih. Nilai penilaian bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan di dalam proses perniagaan yang normal ditolak kos-kos jualan dan kos pengedaran dan kesemua kos-kos lain yang dianggarkan untuk menjual inventori.

Kos baja dan bahan gunaan, ubat dan peralatan perubatan adalah termasuk kos belian asal dicampur kos langsung yang dikenakan untuk membawa inventori-inventori tersebut ke lokasi dan berada dalam keadaan sekarang.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**f. Inventori (sambungan)**

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapatnya inventori yang terjejas dengan membandingkan amaun bawaan setiap item inventori atau kumpulan item yang sama, dengan harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Jika, sesuatu item inventori atau kumpulan item yang sama itu terjejas, Kumpulan akan mengurangkan amaun bawaan inventori atau kumpulan item yang sama tersebut kepada harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Pengurangan tersebut merupakan kerugian penjejasan dan diiktiraf serta-merta di dalam untung atau rugi.

Sekiranya, tidak praktikal untuk mengenal pasti harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjual inventori berdasarkan item demi item, maka, item invetori yang berkaitan dengan barisan produk yang sama, yang mempunyai tujuan atau kegunaan akhir yang sama dan dikeluarkan serta dipasarkan pada kawasan geografi yang sama dikumpulkan secara bersekali bagi tujuan menilai penjejasan ke atas inventori.

**g. Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai di tangan dan di bank, deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan berlesen dan pelaburan patuh Syariah berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**h. Penjejasan aset bukan kewangan**

Amaun-amaun bawaan aset-aset bukan kewangan (contohnya hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan) dikaji pada setiap akhir tempoh laporan untuk mengenal pasti sama ada wujud tanda-tanda penjejasan. Jika, wujud tanda-tanda tersebut, amaun boleh-peroleh-kembali bagi aset-aset berkenaan dianggarkan dan kemudian dibandingkan dengan amaun bawaan. Jika, amaun boleh-peroleh-kembali yang dianggarkan tersebut lebih rendah, maka, amaun bawaan akan dikurangkan kepada amaun boleh-peroleh-kembali seperti yang dianggarkan itu dan kerugian penjejasan diiktiraf serta-merta di dalam untung atau rugi.

**i. Penghutang**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu telah dibuat berdasarkan atas semakan semua amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Peruntukan khusus dibuat untuk hutang ragu yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang tidak berbayar.

**j. Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu, pada nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**k. Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi semasa yang konstruktif akibat peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang tepat dapat dibuat terhadap jumlah tersebut. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Jumlah yang diiktiraf sebagai peruntukan adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi masa kini pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Peruntukan dikaji semula pada akhir setiap tahun pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa terbaik.

**l. Zakat**

Majlis dikecualikan daripada zakat berdasarkan pematuhan hukum Syarak kerana ia merupakan entiti muassasah zakat tunggal yang diberikan mandat untuk mentadbir zakat di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

Syarikat subsidiari wajib melunaskan zakat apabila perniagaannya telah menepati syarat-syarat sah zakat. Anggaran pembayaran zakat ditaksir apabila syarikat telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, iaitu jangka masa yang dikenali sebagai haul. Zakat untuk tahun semasa diambil kira apabila syarikat mempunyai obligasi zakat semasa hasil daripada taksiran zakat perniagaan.

Kadar zakat perniagaan yang ditelah ditetapkan oleh hukum Syarak untuk menentukan anggaran pembayaran zakat ialah 2.5% daripada nilai asas zakat. Nilai asas zakat ditentukan berdasarkan nilai aset bersih yang boleh dizakatkan setelah diperlaraskan dengan liabiliti yang dibenarkan tolakan. Zakat perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan nilai asas zakat. Jumlah yang ditaksir diambil kira sebagai perbelanjaan pada tahun ia ditanggung.

**m. Cukai**

Cukai pendapatan syarikat subsidiari ke atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar untuk pendapatan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**m. Cukai (sambungan)**

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara di antara asas-asas cukai bagi aset dan liabiliti serta nilai bawaan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna hingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap mana-mana perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna, yang boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya ia wujud daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga selain kombinasi perniagaan yang pada masa tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat mana ianya boleh digunakan ke atas keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda dikaji semula pada akhir setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga ke tahap tiada lagi kemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasikan.

**n. Manfaat pekerja**

i. Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial dan bayaran gratuiti kepada pekerja kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang dan pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

ii. Pelan caruman tetap

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau dibuat kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi pekerja yang memilih skim perkhidmatan berpencen.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**n. Manfaat pekerja (sambungan)**

iii. Manfaat selepas perkhidmatan

Pelan caruman terperinci ialah pelan persaraan yang mana Kumpulan mencarum secara tetap ke dalam entiti berasingan dan Kumpulan tiada kewajipan dari segi undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk mencarum lagi sekiranya tabung tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan semasa dan sebelumnya. Caruman Kumpulan kepada pelan caruman terperinci iaitu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dan pelan caruman yang ditubuhkan oleh kerajaan iaitu, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), diambil kira di dalam penyata pendapatan pada tempoh berkenaan. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai sebarang tanggungan lagi. Manfaat pekerja selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf apabila pekerja tersebut menamatkan perkhidmatannya.

**o. Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan diiktiraf hingga ke tahap di mana ada kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan sesuatu urus niaga akan mengalir kepada Kumpulan dan pendapatan itu boleh dianggarkan dengan pasti. Pendapatan dinilai pada nilai wajar balasan yang diterima atau akan diterima, kecuali, hasil zakat yang diiktiraf berasaskan tunai yang diterima pada tarikh urusniaga.

**p. Pendapatan tertunda**

Pendapatan tertunda merupakan sumbangan Kerajaan Negeri Perak atau Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan perolehan aset tetap. Pendapatan diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh hayat kegunaan aset tetap berkenaan.

**q. Aset dan liabiliti luar jangka**

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di dalam Penyata-penyata Kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak dijangka dan akan menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti luar jangka juga wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

Aset luar jangka merupakan aset disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan, sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak akan mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak pasti.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

**KUMPULAN 2016**

| | Nota | Tanah RM | Bangunan RM | Loji dan peralatan RM | Lekapan dan Lengkapan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | 684,958 | 11,759,634 | 1,929,703 | 18,606,466 | 32,980,761 |
| Tambahan | | - | - | 240,281 | 1,064,323 | 1,304,604 |
| Penilaian semula | | 69,238,295 | - | - | - | 69,238,295 |
| Reklasifikasi tanah pajakan | | 3,500,000 | - | - | - | 3,500,000 |
| Pelupusan | | - | - | - | (27,095) | (27,095) |
| Hapus kira | | - | (5,684) | - | - | (5,684) |
| Pada 31 Disember 2016 | | 73,423,253 | 11,753,950 | 2,169,984 | 19,643,694 | 106,990,881 |
| **Susut nilai dan Kerugian penjejasan** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 42,723 | 714,228 | 1,332,272 | 9,175,622 | 11,264,845 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - | - |
| | | 42,723 | 714,228 | 1,332,272 | 9,175,622 | 11,264,845 |
| Susut nilai semasa | | 14,489 | 460,118 | 241,607 | 2,282,542 | 2,998,756 |
| Pelupusan | | - | - | - | (14,557) | (14,557) |
| Hapus kira | | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2016 | | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 57,212 | 1,174,346 | 1,573,879 | 11,443,607 | 14,249,044 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - | - |
| | | 57,212 | 1,174,346 | 1,573,879 | 11,443,607 | 14,249,044 |
| **Amaun bawaan** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | 642,235 | 11,045,406 | 597,431 | 9,430,844 | 21,715,916 |
| Pada 31 Disember 2016 | | 73,366,041 | 10,579,604 | 596,105 | 8,200,087 | 92,741,837 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| KUMPULAN 2015 | Nota | Tanah RM | Bangunan RM | Loji dan peralatan RM | Lekapan dan Lengkapan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 | | 684,958 | 11,264,689 | 1,893,504 | 18,255,091 | 32,098,242 |
| Tambahan | | - | 597,145 | 294,275 | 795,402 | 1,686,822 |
| Pelupusan | | - | - | (258,076) | (369,992) | (628,068) |
| Hapus kira | | - | (102,200) | - | (74,035) | (176,235) |
| Pada 31 Disember 2015 | | 684,958 | 11,759,634 | 1,929,703 | 18,606,466 | 32,980,761 |
| **Susut nilai dan Kerugian penjejasan** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 | | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 28,234 | 460,958 | 1,367,695 | 7,234,487 | 9,091,374 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - | - |
| | | 28,234 | 460,958 | 1,367,695 | 7,234,487 | 9,091,374 |
| Susut nilai semasa | | 14,489 | 259,232 | 222,650 | 2,335,381 | 2,831,752 |
| Pelupusan | | - | - | (258,073) | (323,550) | (581,623) |
| Hapus kira | | - | (5,962) | - | (70,696) | (76,658) |
| Pada 31 Disember 2015 | | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 42,723 | 714,228 | 1,332,272 | 9,175,622 | 11,264,845 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - | - |
| | | 42,723 | 714,228 | 1,332,272 | 9,175,622 | 11,264,845 |
| **Amaun bawaan** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 | | 656,724 | 10,803,731 | 525,809 | 11,020,604 | 23,006,868 |
| Pada 31 Disember 2015 | | 642,235 | 11,045,406 | 597,431 | 9,430,844 | 21,715,916 |

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

### 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| MAJLIS 2016 | Nota | Tanah RM | Bangunan RM | Loji dan peralatan RM | Lekapan dan Lengkapan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | - | - | 1,929,703 | 3,902,284 | 5,831,987 |
